

Jilid I
Bil. 89



Hari Jumaat
9hb November, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9587]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 [Ruangan 9613]

Sumber Radioaktif di Universiti Teknologi Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 9617]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980 [Ruangan 9617]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading)
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai.)
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Mualla Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 9hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**TANAH BAGI DEWAN PERNIAGAAN
MALAYSIA DI NEW YORK**

1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beliau menyatakan semasa persidangan Dewan Negara yang lalu bahawa Kementeriannya bercadang hendak membeli sebidang tanah bagi Dewan Perniagaan Malaysia di New York dan jika ya, berapa harga tanah itu dan harga bangunan yang akan didirikan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji untuk membeli tanah seluas 2,250 kaki persegi di New York di mana sebuah bangunan setinggi 12 tingkat akan didirikan bertujuan untuk menempatkan semua agensi-agensi ekonomi Malaysia seperti Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan, MIDA, TDC dan lain-lain yang pada masa sekarang menyewa tempat di beberapa bangunan di bandaraya tersebut.

Oleh kerana perundingan dengan tuan punya tanah itu sedang dijalankan, maka saya tidak dapat memberitahu harga belian tanah tersebut dan juga harga bangunan yang akan didirikan belum dapat ditentukan oleh kerana reka bentuk cadangan bangunan tersebut belum disiapkan lagi. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah diberi sejumlah peruntukan US\$5 juta untuk tujuan membeli tanah dan mendirikan bangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan Wong Hoong Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah di atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, mengikut Peraturan Mesyuarat 24(2).

**GENERAL MEDICAL COUNCIL
UNITED KINGDOM**

2. Tuan Wong Hoong Keat (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar "General Medical Council" United Kingdom telah menolak permohonan yang dibuat oleh Universiti Kebangsaan untuk mendapatkan Majlis tersebut mengiktirafkan ijazah MBBSnya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Universiti Kebangsaan Malaysia setakat ini belum lagi membuat sebarang permohonan untuk ijazah perubatannya diiktirafkan oleh General Medical Council, United Kingdom. Oleh yang demikian, soal sama ada Majlis tersebut telah menolak permohonan pengiktirafan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia tidaklah berbangkit.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Universiti Kebangsaan tidak ada membuat permohonan untuk mengiktiraf ijazah itu daripada lain-lain council. Saya hendak tahu

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang balik soalan itu, saya tidak dengar.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mengatakan Universiti Kebangsaan tidak ada memohon untuk pengiktirafan medical degreenya. Tetapi saya

hendak tahu, adakah status ijazah (degree) Medical School Universiti Kebangsaan mendapatkan pengiktirafan daripada negara-negara lain seperti United States, Australia atau Kanada.

Dato' Chan Siang Sun: Itu soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah tujuan pihak Universiti Kebangsaan supaya graduates daripada Fakulti Perubatan boleh melanjutkan pelajaran post graduate mereka di United Kingdom dan bukannya benar satu syarat ialah degree ini mesti diakui oleh General Medical Council United Kingdom. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kenapa permohonan ini tidak dibuat dan bukannya permohonan ini tidak dibuat oleh kerana ada terdapat indication bahawa permohonan itu akan ditolak.

Dato' Chan Siang Sun: Sila ulangkan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab dalam Peraturan Mesyuarat 23(1) itu jelas, jangan tambah perkataan yang tidak mustahak atau tidak perlu—perkataan yang perlu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan tepat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bukannya benar bahawa permohonan tidak dibuat oleh kerana ada terdapat indication bahawa permohonan pengiktirafan akan ditolak oleh General Medical Council United Kingdom, sungguhpun langkah ini akan menjadi satu langkah yang akan berfaedah graduates bagi membolehkan mereka melanjutkan post-graduate studies di United Kingdom.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya: minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar General Medical Council United Kingdom telah menolak permohonan. Dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, tidak ada. Jadi, tidak berbangkitlah.

ENJIN DAN KOC MODEN UNTUK KERETAPI TANAH MELAYU

3. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa penumpang-penumpang yang menaiki keretapi sentiasa diberi layanan yang buruk semasa musim

perayaan sepertimana terbukti baru-baru ini semasa Perayaan Hari Raya di mana koc-koc penuh sesak dengan penumpang-penumpang seperti sardine dan nyatakan apakah yang terjadi kepada rancangan-rancangan untuk memodenkan sistem keretapi kita dengan dakwaan bahawa lebih banyak lagi enjin-enjin dan koc-koc yang moden akan digunakan untuk perkhidmatan keretapi.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat dan tujuan Keretapi Tanah Melayu untuk memberikan perkhidmatan yang sempurna dan selesa kepada setiap penumpangnya. Walau bagaimanapun, hasrat dan tujuan ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam musim perayaan seperti Hari Raya misalnya, di mana terdapat keadaan penuh sesak dalam terin-terin.

Perkara kesesakan penumpang-penumpang di hari perayaan adalah masalah pengangkutan seluruh dunia dan bukannya di negara kita sahaja. Walau bagaimanapun, pihak Keretapi Tanah Melayu sentiasalah mengadakan perkhidmatan terin-terin tambahan dan juga menambah bilangan koc-koc kepada terin-terin biasa yang dijadualkan. Keretapi Tanah Melayu akan sentiasa berusaha sedaya upayanya untuk memenuhi kehendak-kehendak penumpang-penumpang yang begitu ramai pada musim perayaan.

Berhubung dengan rancangan memodenkan sistem keretapi itu, rancangan-rancangan ini memanglah berjalan dengan pesat. Banyak lagi lokomotif-lokomotif baru serta koc-koc moden akan dibeli untuk memenuhi keperluan Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan tambahan, Mengenai taraf untuk memodenkan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa sistem pembelian tiket-tiket train yang dijalankan pada masa sekarang adalah tidak memuaskan. Adakah benar bahawa KTM bercadang untuk memperkenalkan sistem penjualan tiket secara otomatis, dan jika ini benar, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini tentang bilakah rancangan ini ataupun sistem yang baru ini dapat dijalankan?

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dalam kajian.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa selain daripada masalah kesesakan yang selalu didapati dalam keretapi, maka adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa keretapi yang berhawa dingin ini selalu tidak berfungsi dan juga barang-barang penumpang selalu dilaporkan kehilangan. Maka apakah tindakan akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk menjamin bahawa barang-barang penumpang-penumpang tidak akan hilang ketika mereka menaiki keretapi dan juga kock-koc berhawa dingin ini boleh selalu berfungsi dengan baiknyaa.

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, soalan sebagai am begitu saya tidak dapat jawab dengan spesifik. Kalau ada kes-kes yang tertentu dan dimaklumkan kepada kami, kami akan siasatkan bagi jawapan dengan teliti.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada pihak Keretapi Tanah Melayu bercadang supaya mengadakan nombor-nombor bagi tiap-tiap kerusi supaya tiket-tiket tidak dijual berlebihan daripada apa yang perlu.

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk soalan itu. Jikalau Ahli Yang Berhormat ingin tahu saya boleh beritahu kemudian kelak.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita ada dapat kedengaran di mana satu peristiwa landasan keretapi dekat Bukit Perapit seorang penumpang sudah jatuh apabila dia tidor dan

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidor dekat mana?

Dr Chan Man Hin: Dalam koc juga.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! dalam koc.

Dr Chen Man Hin: Dan jatuh sebab koc penuh sesak. Oleh sebab itu apakah langkah-langkah beliau untuk menyelamatkan bagi keselamatan (security) kepada penumpang-penumpang?

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu ada kaitannya dengan sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawabnya (*Ketawa*). Tetapi barangkali kalau hendakkan spesifik kes itu

Dato Lee San Choon: Dari pokoknya soalan lain. Walau bagaimanapun, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua kata sudah ambil keputusan ada berkaitan maka saya jawablah (*Ketawa*), iaitu sebenarnya orang yang jatuh daripada keretapi itu bukan orang yang tidur dalam koc tetapi orang yang berdiri dekat pintu keretapi. Kemalangan itu berlaku begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak di dalam ngigaulah (sleep walker) (*Ketawa*).

AJARAN SESAT

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa jeniskah Ajaran Sesat yang telah dikaji dan diharamkan oleh pihak berkuasa Agama Islam Wilayah Persekutuan. Nyatakan tiap-tiap satunya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya satu sahaja ajaran sesat yang telah dikaji dan diharamkan oleh pihak berkuasa Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan. Ajaran tersebut ialah ajaran Ahmadiyah Zadiyani. Pengisytiharan mengenai pengharamannya telah diisytiharkan dalam Warta Kerajaan sebagai PU (B) bertarikh 28.4.77.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah asas-asas bagi menentukan sesuatu ajaran itu sesat?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini cerita panjang. Kalau Yang Berhormat bersetuju hendak, boleh di-hantarkan terus kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya pun bersetuju, kalau hendak bercakap ini panjang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa di Kelantan dan Trengganu terdapat ajaran sesat dan ajaran salah dengan mengeluarkan hukum petua yang mengatakan orang menyokong Barisan Nasional yang terdiri daripada orang Islam tidak boleh dijadikan Imam Sembahyang dan sembelihannya tidak boleh dimakan dan begitu juga nikahnya tidak sah kalau Kadi atau Imamnya daripada penyokong Barisan Nasional. Jika sekiranya sedar, apakah ajaran sesat seperti ini juga berlaku di Wilayah Persekutuan ini dan kalau tidak, apakah sebab-sebabnya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu jelas luar daripada asal (*Ketawa*).

PERPUSTAKAAN BERGERAK

5. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang melancarkan perpustakaan bergerak (*mobile library*) supaya penduduk-penduduk kampung, kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan luarbandar yang lain berkesempatan untuk meluaskan ilmu pengetahuan mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang badan yang berkuasa untuk menubuhkan Perpustakaan Awam termasuk Perpustakaan Daerah dan perpustakaan bergerak (*mobile library*) adalah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri yang telah ditubuhkan di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia ini dan adalah menjadi tanggungjawab badan-badan ini untuk menyediakan kemudahan-kemudahan perpustakaan bergerak untuk menampung keperluan penduduk-penduduk kampung baru dan kawasan-kawasan luarbandar.

Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Negeri untuk mempergiatkan perkhidmatan perpustakaan awam negeri dengan memberi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri. Sehingga kini Kerajaan Pusat telah memberikan bantuan untuk membeli van perpustakaan bergerak kepada negeri Perlis, Kedah, Selangor dan Pulau Pinang. Usaha ini akan dipergiatkan lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya negeri Perak tidak dapat peruntukan untuk pergerakan ini?

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini saya sebutkan dalam rancangan lima tahun. Ada kemungkinan dalam Rancangan Malaysia Keempat akan dipergiatkan lagi tambahan van ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Chow Poh Kheng!

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Mantin.

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CHINA—MURID-MURID

6. Datuk Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24*) minta Menteri Pelajaran mengadakan peruntukan yang lebih untuk Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan China yang sebagaimana diketahui di sekolah-sekolah tersebut tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup dan yang ada boleh dikatakan sudah "Not up-to-date".

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, Kementerian Pelajaran memang menyedari bahawa dengan pertambahan bilangan murid di sekolah rendah jenis kebangsaan aliran China telah menimbulkan masalah kekurangan bilik-bilik darjah, kemudahan-kemudahan dan lain-lain. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan aliran bahasa China tetapi juga dihadapi oleh sekolah-sekolah aliran bahasa Tamil dan aliran Kebangsaan. Walau bagaimanapun pihak Kementerian sentiasa memandang berat masalah ini dan sedang berusaha bagi mendapat bilik-bilik darjah tambahan dan kemudahan-kemudahan supaya memperbaiki keadaan sekolah-sekolah tersebut.

Di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga jumlah peruntukan bantuan modal yang diuntukkan bagi sekolah-sekolah ini ialah sebanyak \$8.5 juta.

Di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga juga terdapat 190 buah sekolah rendah jenis kebangsaan aliran bahasa China (Bantuan Penuh Kerajaan) yang telah mendapat peruntukan untuk memperbaiki dan menambah keperluan-keperluan sekolah ini. Perangkaan perbelanjaan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut:

1976/77	1978	1979
\$3,526,636	\$2,872,157	\$4,375,128

Kementerian Pelajaran akan berusaha mendapat lebih banyak lagi peruntukan wang untuk bantuan modal dan juga untuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Yang Keempat bagi sekolah-sekolah yang berkenaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab bahawa pada tahun 1979 sejumlah lebihkurang \$5 juta lebih akan digunakan untuk kemudahan-kemudahan sekolah-sekolah rendah

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak salah saya \$8.5 juta, bukan \$5 juta.

Tuan Lee Lam Thye: Lebihkurang \$5 juta.

Tuan Yang di-Pertua: \$8 juta dengan \$5 juta bukan lebihkurang.

Tuan Lee Lam Thye: Iaitu \$5 juta. Minta maaf (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lee Lam Thye: Tetapi saya hendak bertanya sama ada beliau sedar bahawa jumlah yang diperuntukkan ini adalah tidak mencukupi apabila kita hendak meneliti masalah-masalah yang dialami pada masa sekarang oleh Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, misalnya bumbungnya ada yang bocor dan bilik-bilik darjah ada dalam keadaan yang buruk. Sekiranya beliau sedar sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menubuhkan satu Tabung Wang Pusingan Khas (Revolving Fund) misalnya dengan ada sejumlah lebihkurang \$30 untuk memberikan kemudahan-kemudahan khas kepada sekolah-sekolah berkenaan supaya mereka dapat memperbaiki keadaan-keadaan itu.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan atau dibelanjakan tidak mencukupi untuk kita menjayakan semua keperluan-keperluan. Tetapi walau bagaimanapun seperti mana saya katakan tadi kita akan berusaha sedaya upaya supaya peruntukan-peruntukan akan dapat lebih banyak lagi untuk mengatasi perkara itu.

Mengenai soal tabung pusingan ini bagi dapat dipusingkan jikalau terdapat bekalan tetap yang gagal. Jikalau tabung dapat pusing-pusing sahaja semua sekali habis juga. Jadi barangkali dari segi Kementerian atau dari segi pembangunan, tabung pusingan ini tidak berapa praktik. Kalau kita hendak bagi, lebih baik bagi terus sekali, habis kerja itu.

Tuan Chan Teck Chan: Sungguhpun Kementerian Pelajaran sudah sedari pada beberapa tahun yang lepas mengenai masalah kekurangan bilik, kekurangan sekolah khususnya di kawasan bandar di Sekolah-sekolah Kebangsaan Jenis Cina, maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini apakah program-program kilat (*crash programme*) telah diadakan untuk mengatasi masalah kekurangan bilik sekolah khususnya di kalangan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan juga apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk menambahkan bantuan modal dan perbelanjaan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan beraliran Cina.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya Yang Berhormat ialah berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang tidak cukup. Ini termasuk keperluan bilik darjah atau tidak, itu terpulang kepada apa yang boleh dijalankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan dalam pokok jawapan saya tadi keperluan-keperluan tentulah akan dapat kita penuhi kalau ada keperluan. Jadi kesesakan ini tentulah ada, barangkali timbul di dalam bandar. Walau bagaimanapun kita berharap jikalau ada kesesakan seperti itu jikalau sekolah-sekolah yang lain ada kekosongan, kita berharap ibubapa sekalian bersabar boleh menerima untuk anak-anak belajar di situ juga. Jikalau mendapat kerjasama dari pihak ibubapa dan juga dengan program atau permintaan yang telah

dan harga gula ketika itu amatlah tinggi. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus meminta pandangan pakar-pakar perunding sebelum menjalankan mana-mana projek pada masa-masa akan datang jika didapati perlu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah benar projek gula di Negeri Sembilan itu gagal kerana pengurus ladang atau firm managernya tidak daripada ahli yang mahir dan tahu memilih tanah yang sesuai untuk dijadikan tanaman tebu dan adakah benar firm manager itu juga yang dibawa masuk daripada Sri Lanka adalah orang yang pernah menggagalkan projek yang sama di Sri Lanka.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu kegagalan berlaku jarang kali kita dapat menentukan dengan tepat satu sebab sahaja, biasanya banyak sebab, dan kita dapati berkenaan dengan integrated Sugar Project di Negeri Sembilan itu sebab kegagalannya tidak dapat ditentukan kepada satu sebab sahaja, tetapi meliputi begitu banyak sebab sehingga tak dapat saya hendak ulaskan di sini.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini bahawa siapakah yang menganggotai pasukan petugas untuk menyasiat kedua-dua projek yang gagal yang sudah menelan perbelanjaan rakyat yang berjuta-juta ringgit itu dan juga adakah Kerajaan akan membentangkan Kertas Putih untuk Dewan ini mengenai sebab musabab yang mengakibatkan kedua-dua projek yang begitu mustahak sehingga menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap pengurusan SEDCs yang ada di seluruh negara kita?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapat mengemukakan nama-nama pegawai itu, tetapi kalau dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat bolehlah kita memberi makluman tentang siapa dia pegawai-pegawai yang terlibat. Berkenaan dengan cadangan Kertas Putih itu kita tidak ada cadangan untuk menyediakan Kertas Putih berkenaan dengan masalah ini.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menerangkan bahawa kegagalan itu terdapat banyak sebab-sebabnya. Saya ingin bertanya adakah masalah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Putih itu salah satu daripada sebab-sebab tersebut.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Ada kemungkinan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tak dapat berkata dengan tepatnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, penutupan Syarikat Gula Negeri Sembilan baru diumumkan, tetapi, penutupan Syarikat Gula Perak adalah satu perkara yang berlaku beberapa tahun dahulu. Dalam perkara Syarikat Gula Perak adakah pihak Kerajaan atau Kementerian berkenaan mendapat satu kajian yang mendalam yang menyatakan faktor-faktor yang mengakibatkan kegagalan Syarikat Gula Perak itu semacam Syarikat Gula Negeri Sembilan itu satu perkara yang Kerajaan tidak tahu dan tidak mahu tahu pun?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya menentang hujah bahawa Kerajaan tidak mahu tahu sebagai satu tuduhan yang tidak harus dibuat di dalam Dewan ini. Kalau Kerajaan tidak mahu tahu, Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan. Berkenaan dengan masalah Gula Perak, dianya mengalami satu problem berkenaan dengan kedudukan undang-undang dan oleh kerana itu kita tidak dapat menyelesaikannya seperti kita menyelesaikan masalah Gula Negeri Sembilan.

PINJAMAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA KECIL

8. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peruntukan pinjaman tanpa faedah yang diberi kepada peniaga kecil kurang mendapat sambutan oleh kerana syarat-syarat pinjaman yang terhad. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman itu.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, pinjaman tanpa faedah yang diperuntukkan kepada peniaga-peniaga kecil adalah diberi di bawah program Menyediakan Kemudahan dan Bantuan kepada peniaga-peniaga kecil, yang dikelolakan oleh Bahagian Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Program ini meliputi Skim Bantuan Pinjaman dan juga Penyediaan Kemudahan tempat-tempat berniaga seperti gerai dan tapak perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu di bawah Skim Bantuan Pinjaman, segala pinjaman adalah diberi dalam bentuk material seperti motosikal dan basikal roda tiga lengkap dengan alat-alat kelengkapan, jika diperlukan. Dalam hubungan ini pemberian wang tunai tidak dibenarkan di bawah Skim tersebut.

Mengenai syarat pinjaman, misalnya pinjaman membeli motosikal, pinjaman adalah diberi setakat 70% kos motosikal dan kelengkapan-kelengkapan berkaitan yang diperlukan dan peminjam terpaksa mengadakan 30% kos pembelian sebelum kelulusan diberi. Syarat ini perlu diadakan untuk memastikan Skim Pinjaman itu tidak disalahgunakan dan hanya mereka yang betul-betul mempunyai keupayaan dan minat berniaga diberi pinjaman. Di samping itu peminjam juga dibenarkan membayar balik dalam tempoh 3 hingga 5 tahun. Cara pembayaran balik adalah terpulung kepada peminjam sendiri, iaitu sama ada cara harian, mingguan atau bulanan.

Meneliti kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti yang disebutkan di atas, adalah dirasakan tidak perlu pindaan kepada syarat-syarat yang sedia ada kerana ianya sememangnya telah longgar.

Perlu dinyatakan di sini Skim Pinjaman tanpa faedah ini pada keseluruhannya adalah mendapat sambutan yang memuaskan daripada peniaga-peniaga kecil.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa sambutan daripada peniaga-peniaga kecil di atas bantuan pinjaman itu adalah pada keseluruhannya memuaskan. Saya suka hendak bertanya adakah Yang Berhormat

Menteri sedar bahawa dari segi bilangan yang memohon pinjaman itu jika dibandingkan dengan bilangan penaja kecil tidaklah begitu tinggi bilangannya. Maka dengan yang demikian boleh dianggap bahawa sambutan pinjaman itu tidaklah memuaskan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sambutan yang diberikan adalah sangat memuaskan. Apa yang berlaku mungkin kebanyakan daripada peniaga-peniaga kecil itu adalah tidak terlibat dalam skim seperti yang saya katakan tadi iaitu menyediakan motosikal, gerai-gerai dan seterusnya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa di kawasan-kawasan luar bandar di mana pihak Kerajaan telah menyediakan gerai-gerai kepada peniaga-peniaga kecil itu, yang menjadi masalah kepada peniaga-peniaga kecil itu adalah untuk membeli perabut-perabut yang ada dalam gerai itu. Jadi soal saya sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mengubahsuaikan bidang di mana pinjaman itu boleh diberi iaitu selain daripada membeli motosikal dan kereta tolak, boleh juga membeli misalnya, alat perabut bangku, peti ais, almari dan sebagainya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Itu boleh ditimbangkan.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yang Berhormat Menteri puas hati di atas pinjaman yang telahpun dilancarkan itu, bolehkah Yang Berhormat itu menyatakan bilangan peniaga-peniaga kecil dan berapakah bilangan peniaga-peniaga kecil yang telah meminjam di bawah rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Menteri ada angka itu bolehlah, kalau tidak, minta notis.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, semenjak bulan September, 1977 sehingga bulan Jun, 1979 bilangan gerai yang telah diberi ialah 2,568; bilangan tapak perniagaan ialah 75; bilangan basikal roda tiga ialah 410 dan bilangan motosikal ialah 104.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sambutan yang menggalakkan telah diberi oleh peniaga-peniaga kecil di atas skim pinjaman untuk peniaga-peniaga ini, terutama sekali di negeri Pulau Pinang hingga peruntukan yang telah diuntukkan itu telah habis semuanya dibelanjakan. Adakah yang Berhormat Menteri bercadang untuk hendak menambah lagi peruntukan itu kepada peniaga-peniaga di sana?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Cadangan itu akan dibuat kajian.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan mengenai bayaran-bayaran itu bolehlah dibuat harian, mingguan atau bulanan. Jadi saya ingin bertanya sekiranya pihak peminjam itu bersetuju membuat bayaran harian bagaimana dan di manakah bayaran itu hendak disalurkan, sama ada bayaran itu boleh dibuat di tempat masing-masing kepada wakil-wakil di daerah masing-masing.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di daerah yang berkenaan memang ada wakil Kerajaan di mana bayaran itu boleh dibuat.

MINYAK DIESEL—PENYELEWENGAN JUALAN

9. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semanjak berlakunya krisis minyak di negara ini berapa buahkah stesyen pam minyak yang telah diambil tindakan kerana didapati menjual minyak disel dengan cara pasaran gelap dan apakah langkah-langkah positif yang telah dijalankan supaya penyelewengan seperti ini tidak berlaku lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu semenjak bulan Julai sehingga 6hb November tahun ini, sebanyak 49 kes penyelewengan telah diambil tindakan oleh Kementerian saya. Kes-kes ini melibatkan bukan sahaja pam-pam minyak, tetapi juga syarikat bas, kilang-kilang papan dan lain-lain lagi. Dari kes-kes ini, sebanyak 61,742

gelen minyak disel bernilai \$86,082.68 telah dirampas dan mereka akan didakwa di Mahkamah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Saya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan meneruskan tindakan untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan penyelewengan ini bertujuan untuk menentukan supaya bekalan bahan tersebut boleh didapati. Seterusnya sukaiah saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai pada keseluruhannya supaya melaporkan kepada Kementerian saya sekiranya mengetahui adanya amalan-amalan yang tidak bertanggungjawab ini dilakukan.

PENDATANG HARAM VIETNAM

10. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan asas-asas penyelesaian masalah Pendatang-pendatang Haram Vietnam dan tindakan-tindakan yang telah diambil sehingga beliau berkeyakinan bahawa masalah tersebut akan dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang singkat.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa telah dibuat pada 8hb Oktober, 1979 dan sudah saya jawab. Untuk makluman tambahan, pada hari ini kita ada baki di dalam negara 38,869. Yang sudah dipindahkan semenjak tahun 1975 80,903.

Baru-baru ini saya dengar, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Peking pun juga menawarkan, kalau ada daripada sini yang hendak pindah ke Peking ia sanggup menerima 2,000 orang tetapi ini belum saya sahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada sini itu adakah pendatang haram atau siapa?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, jelas saya mengatakan pendatang haram sahaja.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, adakah tidak negara-negara ketiga yang terlibat dalam masalah pendatang haram Vietnam ini menekankan juga tanggungjawab negara kita

atau negara yang terlibat itu untuk menerima sebahagian daripada pendatang haram tersebut. Jika ada, apakah sikap Kerajaan terhadap saranan tersebut dan jika tidak, adakah menjadi dasar Kerajaan mengeluarkan semua sekali pendatang haram itu dan tidak akan tinggal di negara ini walaupun seorang. Dan jika sekiranya

Tuan Yang di-Pertua: Ini banyak sangat, nanti dahulu!

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Ada satu sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Dan jika sekiranya inilah yang menjadi dasar Kerajaan, apakah Kerajaan mungkin melaksanakan sepenuhnya dasar-dasar itu berdasarkan kepada keupayaan negara kita dan perkembangan-perkembangan di sekitarnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, dasar kita sudah jelas dan terang bahawa mereka ini adalah pendatang haram dan pendatang haram itu maksudnya tidaklah dapat diterima. Jadi adalah menjadi ikhtiar kita sebanyak-banyaknya, sekuat-kuatnya untuk mencari jalan supaya semuanya pendatang haram ini keluar dan pada hari ini belum ada lagi desakan atau kita belum menerima apa-apa cadangan bahawa sebahagian daripada mereka itu patut tinggal di sini pendatang halal.

KOMPONEN KERETA BUATAN TEMPATAN

11. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berhubung dengan perancangan satu program tempatan untuk menggalakkan pengeluaran alat-alat komponen kereta-kereta yang dipasang di sini, dan sama ada Kerajaan sedang mengkaji cara-cara menambahkn penggunaan komponen-komponen buatan tempatan di kilang-kilang memasang kereta tanpa menaikkan harga kereta-kereta yang dipasang di dalam negeri.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tindakan telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengadakan satu rancangan tempatan, iaitu "Local Content Programme", bagi menggalakkan pengeluaran alat-alat komponen bagi kereta-kereta yang di pasang di Negara ini. Kerajaan juga sedang mempereratkan usaha-uasaha untuk memajukan pembangunan industri-industri komponen

tempatan dengan memberi beberapa galakan. Untuk melaksanakan hakikat ini, dengan izin, satu "Guideline for Mandatory CKD Deletion" telah diadakan oleh Kerajaan. Sukalah saya memperingatkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun membuat pengisytiharan mengenai "guideline" tersebut melalui akhbar pada 21hb Julai, 1979.

Pengalaman daripada negara-negara lain di dunia ini menunjukkan bahawa kenaikan harga kereta adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan berikutan daripada pelaksanaan rancangan tempatan yang bertujuan untuk menggalakkan pengeluaran alat-alat komponen kereta tempatan bagi penggunaan pemasangan-pemasang kereta dalam negeri. Namun demikian, kenaikan harga ini adalah ditimbal balik (compensated) oleh faedah-faedah lain kepada Negara ini dengan pelaksanaan "Local Content Programme", iaitu penambahan peluang pekerjaan yang banyak; penjimatan pertukaran Wang Asing dan ketinggian mutu dan teknologi bagi industri alat-alat komponen kereta dalam negeri. Kerajaan juga akan sentiasa beringat dan berhati-hati untuk mengambil langkah-langkah perlu bagi menghadkan kenaikan harga kereta yang dipasang di dalam negeri ini kepada paras yang paling minima pada semua peringkat pelaksanaan "Local Content Programme" ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa tindakan akan dan sedang diambil untuk mengadakan satu program tempatan untuk menggalakkan pengeluaran alat-alat komponen kereta-kereta yang dipasang di sini. Suka saya bertanya, bilakah agaknya rancangan ini dapat disiapkan dan memandangkan bahawa rancangan ini adalah satu rancangan yang paling mustahak, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi satu jaminan bahawa setiap langkah akan diambil untuk menentukan bahawa rancangan ini dapat disiapkan dengan secepat yang mungkin.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada program ini telahpun dilaksanakan dan ia akan terus dilaksanakan mengikut peringkat-berperingkat yang akan dilaksanakan dalam tempoh 3 atau 4 tahun yang akan datang.

Dari segi kejayaan program ini, Kerajaan akan mencari jalan yang sebaik-baiknya supaya ianya dapat dijayakan dan dengan kerjasama semua pihak, terutama sekali pihak SIRIM dan juga pemasang-pemasang kereta tempatan, saya berkeyakinan penuh bahawa ia akan berjaya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar dakwaan-dakwaan yang mengatakan komponen-komponen buatan tempatan ini rendah mutunya kalau dibandingkan dengan komponen-komponen yang diimport dari luar negeri. Jadi ini dibuat sebagai helah company itu supaya pembeli-pembeli kereta ini lebih gemar membeli kereta yang dipasang di luar negeri. Kalau perkara ini Setiausaha Parlimen berkenaan sedar, apakah langkah-langkah yang diambil supaya menjamin mutu penggunaan komponen-komponen buatan tempatan ini sama dengan komponen-komponen yang diimport dari luar negeri?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kenyataan bahawa alat-alat komponen yang dibuat dalam Negeri ini kurang mutunya daripada alat-alat yang dibawa daripada luar negeri. Sukalah saya menyatakan bahawa mutu alat-alat kenderaan yang dipasang dalam Negara ini hendaklah diluluskan oleh SIRIM ataupun mana-mana badan yang bertaraf antarabangsa. Jadi, ini bermakna mutunya adalah sama, samaada dibuat dalam Negara ini ataupun daripada Luar Negeri.

MINYAK DIESEL KEPADA NELAYAN

12. **Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar separuh daripada nelayan-nelayan di Kuala Muda, Kedah, tidak dapat keluar menangkap ikan kerana kekurangan disel dan mereka terpaksa membayar \$2 setiap gelen minyak disel "under the counter" untuk mendapatkan disel; jika ya, nyatakan sama ada Kementeriannya akan merangka satu sistem untuk menentukan para nelayan akan menerima bekalan minyak disel yang cukup.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kesulitan nelayan-nelayan akibat dari kekurangan minyak disel.

Mengenai aktiviti under counter Kementerian saya tidak sedar akan keadaan ini kerana ini tidak berlaku di koperasi-koperasi nelayan MAJUIKAN. Mungkin ini berlaku di pam-pam minyak pihak swasta dan ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian saya untuk mengambil apa-apa tindakan. Perlu dijelaskan bahawa bekalan yang disediakan oleh MAJUIKAN di Kuala Muda adalah mencukupi dan harga yang dikenakan adalah berpatutan. Sebanyak 3 buah pam telah didirikan di sekitar kawasan Kuala Muda iaitu di Tanjong Dawai, Kuala Muda Kedah dan di Kuala Muda Seberang Prai yang menjual kira-kira 60,000 gelen disel sebulan.

Kementerian saya sedang menimbang untuk menambahkan lagi pam-pam minyak untuk memastikan bekalan minyak disel mencukupi untuk keperluan nelayan-nelayan. Persetujuan dari pihak PETRONAS telah diperolehi untuk memberi bekalan sebanyak mana yang diperlukan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Walaupun tadi Timbalan Menteri Pertanian menyatakan bahawa PETRONAS berjanji untuk membekalkan secukupnya minyak-minyak disel tetapi adakah pihak Kementerian berusaha dengan pihak PETRONAS untuk mendirikan stesen minyak PETRONAS sendiri di Kuala Kedah seperti di Kuala Besut ataupun ini akan dilakukan setelah adanya pilihanraya kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Soal PETRONAS ini tidaklah boleh dihadapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya katakan tadi adakah usaha Kementerian itu berhubung dengan pihak PETRONAS?

Tuan Yang di-Pertua: Oh! hendak berhubung.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Ada.

MOTOSIKAL KEPADA POSMEN DI LUAR BANDAR

13. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar bahawa motosikal yang dibekalkan kepada posmen-posmen di luar bandar, terutama di Daerah

Pasir Puteh kebanyakannya lama, buruk dan selalu rosak di jalan-jalan. Jika sedar apakah Kementerian bercadang menempatkan motosikal yang baharu di luar-luar bandar, terutama di Pasir Puteh.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa motosikal-motosikal yang dibekalkan kepada posmen-posmen di luar bandar kebanyakan adalah motosikal-motosikal buruk.

Sukalah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat setiap Pejabat Pos yang memerlukan motosikal secara tetap akan dibekalkan dengan motosikal-motosikal baru. Walau bagaimanapun jika Pejabat Pos berkenaan hanya memerlukan motosikal untuk sementara waktu sahaja maka ia akan dibekalkan dengan motosikal yang ada dalam simpanan. Motosikal ini akan ditarik balik selepas tidak diperlukan lagi.

Di Pejabat Pos Pasir Puteh pada masa ini ada 4 buah motosikal yang masih digunakan. Tiga dari motosikal ini masih baru dan sebuah lagi dijangka akan diganti dengan motosikal baru pada tahun akan datang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar motosikal yang dibeli baru pada mula-mulanya dibekalkan di bandar-bandar dan apabila terpakai bertahun-tahun serta hampir condemn barulah dihantar ke luar bandar menyebabkan banyak motosikal posmen ini selalu tersadai di Wakil-wakil Pos kerana upah membaikinya lebih mahal daripada harga motosikal itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan dia tidak sedar motosikal yang buruk ini. Di Pasir Puteh ada 3 buah yang baru, sebuah akan diganti pada tahun hadapan, jadi hendak apa lagi? (*Ketawa*)

Yang Berhormat Tuan Haji Mohammad Taufeck bin O.K.K. Haji Asneh.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Mohammad Taufeck bin O.K.K. Haji Asneh tidak hadir)

PENEROKA DI RANCANGAN FELDA KEMAHANG

15. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa ramaikah peneroka-peneroka yang sepatutnya dimasukkan ke rancangan FELDA Kemahang, Tanah Merah, Kelantan, yang belum dimasukkan lagi. Apakah sebabnya berlaku kelambatan untuk dimasukkan peneroka-peneroka tersebut.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, bilangan peneroka yang dijadualkan untuk ditempatkan di Rancangan FELDA Kemahang, Kelantan ialah 730 keluarga. Sehingga ini 378 keluarga telahpun berada di rancangan dan baki yang belum lagi ditempatkan ialah 352.

Kelambatan penempatan peneroka-peneroka di FELDA Kemahang ialah oleh kerana pembinaan rumah-rumah peneroka bagi rancangan ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Kontrek pembinaan rumah-rumah peneroka bagi FELDA-Kemahang mula diserahkan kepada tiga orang pemborong dalam tahun 1977 tetapi disebabkan kesulitan pihak pemborong mendapat bahan-bahan binaan dan masalah kewangan mereka, sendiri kemajuan pembina telah tergendala. Sehingga akhir bulan September 1979, hanya 380 buah rumah telah dapat disiapkan. Rumah-rumah tersebut telah ditempatkan dengan peneroka.

Bagi mengatasi kelewatan pembinaan baki 350 buah rumah yang belum disiapkan itu, kontrek pembinaan telah diserahkan kepada empat pemborong baru. Kerja pembinaan sedang berjalan. Adalah dijangkakan 120 buah rumah akan dapat disiapkan pada penghujung tahun ini dan baki 230 buah rumah lagi pada pertengahan tahun hadapan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa projek FELDA Kemahang, Tanah Merah ini adalah satu projek FELDA yang telah lama dan keluarga-keluarga yang telah dimasukkan itu pun telah lama memasuki kawasan ini dan juga melihatkan bahawa terlalu perlahan proses pembinaan rumah-rumah bagi bakal-bakal peneroka tersebut, adakah Kementerian selain daripada menunggu 350 buah rumah yang diberi kepada 4 pemborong baru

itu siap, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mendirikan rumah-rumah panjang sementara supaya setiap bakal-bakal peneroka ini dapat dimasukkan secepat mungkin?

Tuan Sanusi bin Junid: Tidak.

MAS—KEUNTUNGAN

16. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak tahun 1973 hingga 1979 ini, berapakah keuntungan telah diperolehi oleh MAS setiap tahunnya.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, Syarikat MAS telah mendapat keuntungan operasi sebelum ditolak cukai bagi tahun berakhir 31hb. Mac, 1979 seperti berikut:

<i>Tahun Kewangan</i>	<i>Keuntungan</i>
1972-1973 ...	\$ 3,000,062.55c.
1973-1974 ...	\$16,138,384
1974-1975 ...	\$ 7,454,320
1975-1976 ...	\$ 3,346,815
1976-1977 ...	\$ 1,099,332
1977-1978 ...	\$17,757,332
1978-1979 ...	\$42,655,202

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah sebabnya keuntungan antara tahun-tahun yang disebutkan oleh beliau tadi adalah sangat jauh perbezaannya, umpama dari \$6 juta hingga \$3 juta, kemudian jatuh ke \$1 juta, kemudian melompat ke \$17 juta sehingga baharu-baharu ini \$42 juta. Saya hendak tahu apakah sebab musabab yang mengakibatkan MAS memperolehi keuntungan yang tidak begitu stabil dan juga bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini memandangkan keuntungan \$42 juta yang diperolehi oleh MAS baru-baru ini dan keuntungan yang lebih besar akan diperolehi pada tahun-tahun akan datang maka adakah tambang untuk penerbangan dalam negeri kita khususnya di Sabah dan Sarawak akan dikurangkan atau diturunkan supaya rakyat yang miskin di Sabah dan Sarawak boleh menikmati tambang yang lebih murah.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab keuntungan berbeza dari setahun ke setahun adalah biasa dalam mana-mana syarikat. Jikalau Ahli Yang Berhormat

hendak tahu sebab-sebab yang tertentu, saya ingin mendapat notis supaya saya dapat memberitahu sebab-sebab yang tertentu tiap-tiap tahun kenapa ada keuntungan lebih dan kurang. Saya ingin mendapat notis.

Tuan Chan Teck Chan: Sama ada tambang akan diturunkan?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat soalan tambahan, saya sudah ingatkah banyak kali.

Dato' Lee San Choon: Syarikat MAS sedang menambahkan perkhidmatan di Sabah dan Sarawak dan apabila perkhidmatan bertambah kajian akan dibuat atas kadar tambang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 17.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang soalan ini atas nama Ahli Yang Berhormat dari Arau.

PEJABAT L.L.N. DI KANGAR— BIL LETRIK

17. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa pejabat LLN di Kangar di mana bil-bil elektrik dibayar adalah sangat sibuk keadaannya. Jika ya, adakah Kementerian beliau bercadang menambah bilangan bilangan kerani-kerani untuk menguruskan pembayaran bil-bil ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar akan kesibukan yang berlaku di pejabat LLN di Kangar. Walau bagaimanapun sukalah dimaklumkan bahawa kesibukan tersebut hanya berlaku di masa-masa tertentu iaitu pada awal dan penghujung bulan di mana orang ramai datang membayar bil-bil elektrik. Pihak LLN memang mempunyai rancangan untuk memperbaiki keadaan ini dengan mengadakan jurukira-jurukira tambahan dan mesin-mesin penerimaan di pejabat berkenaan, tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 adalah diberi di bawah ini).

HOSPITAL DAERAH DI SABAH — PEMBINAAN

14. Tuan Haji Mohammad Taufek bin O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pembinaan hospital-hospital daerah di Negeri Sabah selalu terbengkalai pembinaannya, jika sedar, kenapa perkara serupa ini masih masih berlaku.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Adalah tidak benar hospital-hospital daerah di Negeri Sabah selalu terbengkalai pembinaannya. Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Hospital-hospital Daerah seperti berikut telah siap dibina:

- (i) Hospital Daerah Papar
- (ii) Hospital Daerah Ranau
- (iii) Hospital Daerah Tambunan
- (iv) Hospital Daerah Beluran

Di samping itu, Hospital Daerah Kota Belud dan Hospital Daerah Beaufort sedang dalam pembinaan dan Hospital Daerah Kudat pula berada dalam peringkat proses tender. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, proses pembinaan sesebuah hospital itu sudah semestinya mengambil masa yang lebih lama sedikit. Walau bagaimanapun sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa tidak ada satu projek hospital daerah di Sabah pun yang telah tergendala hingga kini.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Sumber Radioaktif di Universiti Teknologi Malaysia

3.35 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) bagi menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk tujuan merundingkan satu perkara tertentu yang melibatkan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul saya berbunyi:

“Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) Majlis Mesyuarat ini membenarkan Ahli Parlimen dari Baling, Encik Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara tertentu yang melibatkan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan”.

Perkara itu ialah masalah sumber radio-aktif (radioactive sources) yang sekarang ini disimpan secara tidak sesuai di Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

Langkah segera hendaklah diambil untuk menyediakan tempat khusus yang selamat dan sesuai bagi menempatkan bahan tersebut. Sebagaimana yang termaklum radioaktif adalah bahan yang sangat merbahaya jika berlaku pengalirannya sama ada akibat bocoran atau insiden-insiden lain akan membawa musibat besar dan menyeluruh kepada orang ramai. Kerana itu di mana-mana juga bahan tersebut disimpan di tempat yang tertentu dan pengawalan keselamatannya adalah amat teliti dan ketat untuk mengelak sebarang kebocoran atau pengaliran. Langkah-langkah keselamatan yang diperlukan itu tidak terdapat di mana bahan yang merbahaya itu ditempatkan. Justeru ia ditempatkan di sebuah makmal di Universiti tersebut yang mengandungi bahan-bahan lain yang di antaranya boleh menyebabkan berlaku insiden-insiden tertentu yang memungkinkan berlaku sesuatu kepada simpanan bahan radioaktif itu yang menyebabkan kebocoran atau pengalirannya.

Perkara ini adalah serius dan melibatkan keselamatan orang ramai terutama kakitangan dan pelajar-pelajar UTM serta penduduk-penduduk sekitarnya. Tempat di mana bahan ini ditempatkan berhampiran pula dengan tempat-tempat penting seperti Kementerian Pertahanan, Pusat Latihan Polis Diraja dan lain-lain Kementerian. Wujudnya bahan tersebut di Universiti tersebut dengan langkah-langkah keselamatan yang tidak memuaskan menimbulkan ketakutan kepada pelajar-pelajar dan kakitangan yang mengetahui kedudukan tersebut. Oleh itu langkah segera hendaklah diambil untuk menyediakan tempat yang sesuai dan tindakan-tindakan keselamatan yang teliti

hendaklah dipastikan segera untuk mengelak kebimbangan orang ramai dan menjaga keselamatan mereka dari kesan buruk akibat bahan yang membahayakan ini. Buat sementara ini bahan itu hendaklah dipindahkan ke tempat lain yang tidak membawa risiko yang besar sekiranya berlaku satu kemalangan yang menyebabkan kebocoran atau pengaliran bahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin bertanya mengapakah perkara ini tidak disedari oleh pakar-pakar mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Ini belum membahaskan lagi. Cuma usul itu sahaja. Siapa sokong?

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) ini hendaklah memuaskan saya atas tiga perkara bahawa perkara itu tertentu, yang kedua perkara ini bagi kepentingan orang ramai dan ketiga perkara ini perlu disegerakan. Kalau ketiga-tiga perkara ini saya puashati maka saya akan kemukakan kepada Majlis.

Apabila saya dapat surat ini sebelum pukul 10.30 pagi ini saya telah mengadakan penyiasatan dan menimbang dengan teliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini ada, maknanya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat ada tersimpan sumber-sumber radioaktif ini di dalam makmal di Universiti Teknologi Malaysia, dan sama ada perkara itu bagi kepentingan orang ramai atau tidak, saya dapati juga bahawa ini juga ada mempunyai unsur kepentingan orang ramai kerana ini melibatkan bukan sahaja tenaga pengajar dan pelajar-pelajar yang ada di dalam makmal atau juga di dalam bangunan atau di kampus Universiti itu dan juga kepada orang luar. Jadi ini juga sudah memuaskan syarat yang kedua. Berkenaan syarat ketiga samada ia perlu ditangguhkan mesyuarat ini untuk membincangkan soal ini, tiap-tiap makmal di mana-mana juga pusat pengajian tinggi memang ada tersimpan di dalamnya bahan-bahan yang boleh dikatakan merbahaya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling tadi bukan

sahaja seperti radioaktif ini dan juga bahan-bahan lain, bahan-bahan kimia dan sebagainya memang banyak ada tersimpan di mana-mana juga makmal di pusat-pusat pengajian tinggi.

Apa yang perlu sekarang samaada perkara ini bahaya adanya unsur-unsur atau sumber-sumber radioaktif ini kepada makmal, kepada bangunan universiti itu dan juga bahayanya kepada orang ramai supaya segera dipindahkan bahan itu, itu yang belum dapat dipastikan tetapi walau bagaimanapun saya memberi persetujuan di sini bahawa perkara itu dengan sebab saya sendiri tidak dapat menentukan sama ada tahap itu kepada tahap terlalu bahaya tetapi walau bagaimanapun ada wujud satu bahaya di dalam tempat itu.

Dengan sebab itu saya dapati usul ini memenuhi ketiga-ketiga syarat itu. Dan sekarang saya akan kemukakan kepada Majlis; melainkan ada bangkangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (a). Jikalau tidak perkara ini nanti saya akan kemukakan kepada Majlis pada masa yang akan saya tentukan.

Saya kemukakan kepada Majlis sekarang.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menentang Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (a).

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab ada bangkangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (a) maka ada satu lagi cara supaya perkara ini boleh dibahaskan mengikut peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (b) iaitu dengan mendapat sokongan daripada 15 orang Ahli.

Saya jemput Ahli-ahli yang bersetuju supaya perkara ini dibincangkan di dalam Majlis ini, sila bangun.

(Tiga orang Ahli bangun).

Oleh sebab tiga orang sahaja yang menyokong, maka Usul ini ditolak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (8hb November, 1979).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran iaitu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (8hb November, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selama sembilan hari seramai 56 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan ini. Dan sebagaimana yang telah saya umumkan beberapa hari yang lalu maka hari ini dan hari Isnin diperuntukkan bagi Yang Berhormat Menteri-menteri memberi jawapannya.

Sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk mengemukakan jawapannya.

3.43 Ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menjawab lebih awal lagi.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka mengenai tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan berhubung dengan Kementerian saya, semasa membahaskan Ucapan Belanjawan 1980. Saya sukalah memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang saksama kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang saya percaya akan memberi menafaat kepada negara dan rakyat. Bagaimanapun, saya ingin mengulas mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Yang Mula ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal inflasi di mana beberapa cadangan telah dikemukakan untuk diberi pertimbangan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ini. Dalam perkara ini, sukalah saya maklumkan iaitu pihak Kerajaan memang sedar bahawa kenaikan harga barang-barang baru-baru ini mengakibatkan sedikit sebanyak inflasi dan kos belanja hidup di negara ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penyakit inflasi ini bukanlah satu penyakit yang dihadapi oleh negara kita sahaja bahkan ianya dialami oleh semua negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dan akan terus cuba untuk menjamin bahawa kenaikan harga-harga adalah berpatutan dan dikekalkan di paras yang minima supaya tekanan inflasi tidaklah terlalu membebankan rakyat.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Mantin iaitu salah satu langkah untuk mengatasi inflasi ialah dengan pemberian subsidi, tetapi haruslah diingat bahawa sekiranya semua barang-barang perlu diberikan subsidi maka Kerajaan akan mengalami kekurangan wang untuk perbelanjaan pembangunan untuk rancangan-rancangan sosio ekonomi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pemberian subsidi ke atas barang-barang petroleum sudah meningkat kepada \$341 juta tiap-tiap satu tahun, dan

berhubung dengan Lembaga Letrik Negara, kos kepada Kerajaan di dalam bentuk bantuan kewangan melalui penyertaan di dalam ekuiti, pengecualian cukai perbelanjaan modal dan subsidi untuk kos pengendalian akan berjumlah sebanyak \$1,500 juta sehingga tahun 1984/1985. Subsidi juga diberi untuk mempertahankan harga beras, baja dan lain-lain.

Selain daripada langkah yang telah saya sebutkan, Kerajaan telah juga mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Industri-industri dan pengeluaran-pengeluaran yang dianggap perlu dan penting yang diberi perlindungan tarif dan/atau perlindungan import dan galakan-galakan cukai, dikenakan syarat harga. Di bawah syarat ini, industri-industri tersebut tidak boleh menaikkan harga barang-barang keluarannya tanpa kelulusan daripada Kementerian saya;
- (ii) Menubuhkan satu Jawatankuasa Mengkaji Harga yang dipengerusikan oleh Kementerian saya dan dianggotai oleh wakil-wakil dari Perbendaharaan, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Bahagian Perancang Ekonomi dan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Semua permohonan untuk menaikkan harga dirujuk kepada Jawatankuasa tersebut untuk dikaji dengan teliti samaada permohonan-permohonan tersebut adalah menasabah atau sebaliknya;
- (iii) Mengadakan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977 di mana di bawah Perintah ini penjual runcit bagi 111 jenis barang dikehendaki meletakkan label atau tanda yang menunjukkan harga seyunit barang-barang jualan mereka. Tanda harga ini bukanlah bertujuan untuk mengawal harga tetapi ianya untuk membolehkan pengguna-pengguna mengetahui harga-harga jualan dan pemilik di antaranya harga yang berpututan dan rendah;
- (iv) Kerajaan telah mengisytiharkan 19 jenis barang-barang keperluan seperti gula, susu, garam, simen dan lain-lain lagi sebagai barang kawalan bertujuan untuk menentukan harga yang berpututan dan bekalan yang cukup;
- (v) Kempen Anti-Sorok masih dikuatkuasakan untuk mengawasi penyorokan

barang-barang kawalan dan "profiteering". Tindakan-tindakan telah dan akan diambil terhadap pekedai-pekedai yang menyorokkan barang-barang kawalan, memberi maklumat-maklumat palsu, enggan menjual dan menyimpan setok-setok barang-barang kawalan lebih daripada biasa; dan

- (vi) Kawalan eksport dikenakan ke atas beberapa barang perlu seperti barang-barang petroleum, simen, besi dan lain-lain lagi bertujuan untuk memastikan bahawa bekalan bagi barang-barang tersebut adalah mencukupi untuk keperluan tempatan.

Di sini saya ingin memberi jaminan iaitu hanya permohonan-permohonan yang berasas sahaja akan diberi kebenaran untuk menaikkan harga dan sekiranya saya mendapati bahawa permohonan untuk menaikkan harga hanya untuk menaikkan kadar keuntungan, maka permohonan tersebut akan ditolak.

Selain daripada langkah-langkah yang telah saya sebutkan di atas, saya bersetuju dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan Kuala Lumpur Bandar iaitu gerakan pengguna adalah penting untuk melawan inflasi dan dalam perkara ini, sukalah saya memaklumkan iaitu pihak kerajaan telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan kepada Persatuan-persatuan Pengguna. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 1979, bantuan kewangan berjumlah \$106,430 telah diperuntukkan kepada Persatuan-persatuan Pengguna berbanding dengan \$23,000 dalam tahun 1978. Bantuan ini adalah diberi berdasarkan kepada permohonan daripada Persatuan-persatuan Pengguna berkenaan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan Persatuan mereka. Dalam meluluskan bantuan tersebut, pihak Kerajaan telah menimbangkan supaya tiap-tiap Persatuan Pengguna mengadakan sebuah pejabat dan kakitangan tetap supaya dapat menjalankan beberapa aktiviti yang telah dirancangkan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya Kerajaan mengadakan rancangan komprehensif bagi Persatuan-persatuan Pengguna, sukalah saya menjelaskan di sini iaitu Persatuan-persatuan Pengguna adalah persatuan sukarela yang bebas. Oleh yang demikian, saya berpendapat adalah lebih baik sekiranya

Persatuan-persatuan ini menyediakan sendiri rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti yang mereka akan jalankan tanpa campur-tangan daripada pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa kebanyakan Persatuan-persatuan Pengguna di negara ini baru ditubuhkan dan belum dapat berdiri dengan sendirinya, maka Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberi beberapa bantuan. Selain daripada bantuan kewangan seperti yang saya sebutkan di atas, Kementerian saya telah juga memberi khidmat nasihat kepada Persatuan-persatuan Pengguna dari masa ke semasa bagi membantu perjalanan Persatuan-persatuan tersebut seperti menganjurkan Seminar-seminar Galakan Pengguna di peringkat kawasan bertujuan untuk membangunkan gerakan pengguna di kawasan-kawasan tertentu. Kerajaan telah juga melantik perwakilan-perwakilan daripada Persatuan-persatuan Pengguna untuk menjadi ahli institusi Kerajaan yang ada kaitan dengan perlindungan pengguna seperti Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan dan Instituit Piawian dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM) dengan tujuan untuk membolehkan wakil-wakil tersebut memberi sumbangan kepada usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi perlindungan bagi pengguna-pengguna.

Kementerian saya sedar bahawa terdapatnya sebilangan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab yang mengambil peluang untuk mencari keuntungan yang berlebihan di masa-masa tertentu seperti yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan Jerai. Dalam perkara ini, suka-lah saya memaklumkan iaitu Pegawai-pegawai dari Kementerian saya, dengan berpandukan kepada undang-undang yang tertentu, sentiasa mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang melakukan penyelewengan atau yang mengamalkan amalan perniagaan yang tidak sihat ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31.10.1979, sebanyak 2,059 kes telah diambil tindakan oleh Kementerian saya di bawah undang-undang seperti Akta Kawalan Bekalan 1961; Akta Kawalan Harga 1946; Akta Perintah Dagangan 1972; Enakmen Timbang dan Sukat Negeri dan Akta Sewa Beli 1967.

Daripada butir-butir yang disebutkan di atas, nyatalah sekali bahawa Kementerian saya bukan sahaja setakat memberi amaran kepada peniaga-peniaga yang melakukan

penyelewengan di dalam menjalankan perniagaan, tetapi juga telah mengambil tindakan undang-undang yang tegas dengan mendakwa mereka ke muka pengadilan. Di sini, saya suka-lah menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai untuk memberi kerjasama dengan melapurkan kepada Kementerian saya sekiranya mengetahui adanya amalan-amalan yang tidak bertanggungjawab ini dilakukan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Majlis Barangan Kebangsaan (National Stockpile) bertujuan untuk memastikan bekalan barang-barang perlu mencukupi dengan harga yang berpatutan, suka-lah saya menyatakan iaitu Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan bekalan barang-barang perlu seperti barang-barang petroleum, simen, bar keluli, susu, tepung gandum, gula dan beras. Kecuali beras, di mana Lembaga Padi dan Beras Negara mengawasinya, semua pengeluaran-pengeluaran tempatan bagi barang-barang yang saya sebutkan di atas dikehendaki mengemukakan laporan ke Kementerian saya mengenai kedudukan bekalan barang-barang tersebut dan memastikan bahawa bekalannya adalah mencukupi. Berpandukan kepada stok bekalan barang-barang yang dikumpulkan oleh Kementerian saya, maka langkah-langkah yang sesuai boleh diambil sekiranya Kementerian saya menjangka bahawa bekalan bagi sesuatu barang itu akan berkurangan. Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu adalah baik tetapi masalah yang akan timbul untuk mengendalikan projek tersebut ialah ianya memerlukan banyak peruntukan wang, tenaga manusia yang ramai dan lojistik yang cukup. Oleh yang demikian, buat masa sekarang, saya berpendapat bahawa sistem yang kita gunakan sekarang untuk mengawasi keadaan bekalan barang-barang yang perlu adalah mencukupi.

Adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Sepang iaitu pengecualian cukai ke atas syarikat-syarikat melambangkan kegagalan Kerajaan di dalam usahanya untuk menyusun semula syarikat-syarikat tersebut. Perlulah saya menjelaskan iaitu tujuan sebenarnya pengecualian cukai tersebut diberi ialah untuk mempercepatkan lagi penyusunan semula oleh semua syarikat swasta meliputi bukan sahaja syarikat-syarikat perindustrian bahkan juga syarikat-syarikat dalam bidang

yang lain seperti perlombongan, ladang, perdagangan, insuran dan lain-lain lagi. Saya ingin mengingatkan bahawa mengikut Dasar Ekonomi Baru, penyusunan semula akan dibuat berasas kepada perkembangan ekonomi dan tidak dengan membahagi-bahagikan semula perniagaan dan perusahaan yang sudah ada. Ini bermakna bahawa cuma perniagaan dan perusahaan yang baharu sahaja yang akan dilibatkan. Dengan galakan cukai yang baharu, perniagaan dan perusahaan yang sudah ada juga boleh membantu pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah memberi tempoh sehingga 1990 untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, maka dengan pengecualian cukai tersebut, adalah diharapkan bahawa syarikat-syarikat swasta berkenaan akan mempercepatkan lagi kegiatan penyusunan semula syarikat-syarikat sebelum menjelang tahun 1990.

Kementerian saya sedar mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat dari Sepang di mana terdapat beberapa syarikat-syarikat industri yang mengambil pekerja-pekerja bumiputra bertujuan untuk "window dressing" sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa syarikat yang kita dapati mengamalkan amalan ini telahpun diberi nasihat oleh Kementerian saya untuk membaiki keadaan tersebut. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini sangatlah sukar untuk dibukti dan saya meminta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mengemukakan maklumat-maklumat ke Kementerian saya sekiranya tahu ada syarikat-syarikat yang mengamalkan amalan ini, supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Berhubung dengan ulasan Ahli Yang Berhormat dari Kepong di mana beliau menyatakan terdapat beberapa pelabur tempatan dan luar negeri takut untuk menyuarakan masalah-masalah yang mereka hadapi kepada pihak Kerajaan kerana bimbang kalau-kalau pihak Kerajaan akan mengenakan tekanan "bureaucracy" terhadap mereka, sukalah saya menjelaskan di sini iaitu tujuan utama Kerajaan menubuhkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) selain daripada menggalak pelaburan di negara ini ialah juga untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur berkenaan. Di sini saya ingin menyeru kepada pelabur-pelabur yang mempunyai apa-apa masalah

supaya berhubung dengan Kementerian saya ataupun MIDA supaya dapat masalah-masalah itu diatasi. Mungkin masalah tersebut bukan ada kena mengena dengan Kementerian saya, tetapi bolehlah pelabur berkenaan merujuk kepada Kementerian saya supaya dapat kami merujuk kepada pihak-pihak berkenaan supaya dapat masalah tersebut diselesaikan dengan secepat mungkin.

Berhubung dengan ulasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat berkenaan dengan peluang-peluang pasaran bagi barang-barang buatan Malaysia di Timur Tengah, sukalah saya memaklumkan iaitu Kementerian saya memang sedar akan potensi pasaran tersebut dan telahpun mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan lagi potensi eksport Malaysia di pasaran tersebut. Dalam hubungan ini, Pejabat Perdagangan telah ditubuhkan di 3 pusat perdagangan yang penting di kawasan itu iaitu di Jeddah, Kuwait dan Dubai. Tugas utama pejabat-pejabat tersebut ialah untuk menjalankan kajian pasaran dan juga mengadakan aktiviti-aktiviti galakan eksport bagi memperkenalkan dan meningkatkan lagi eksport barangan keluaran Malaysia.

Selain daripada itu, Kementerian saya telah juga mengambil beberapa langkah untuk memajukan eksport dengan menganjurkan rombongan perdagangan serta mengambil bahagian di dalam pertunjukan perdagangan di kawasan tersebut. Sejak 1974, Malaysia telah menghantar 5 rombongan perdagangan dan menyertai di dalam 6 pertunjukan perdagangan. Lain-lain langkah galakan eksport yang telah diambil ialah dengan menjemput para pengimport, pegawai-pegawai daripada Dewan-dewan Perniagaan dan para peniaga untuk melawat Malaysia bertujuan untuk memperkenalkan dan menyedarkan mereka akan potensi Malaysia sebagai punca bekalan untuk memenuhi keperluan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telahpun menandatangani Perjanjian Perdagangan dengan 3 buah negara di kawasan tersebut iaitu Libya, Iraq dan Mesir. Tujuan mengadakan perjanjian tersebut ialah untuk merapat dan meningkatkan lagi perhubungan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah eksport Malaysia ke Timur Tengah pada tahun 1974 ialah \$173 juta dan pada tahun 1978 ianya telah meningkat kepada

\$259 juta dan barang-barang utama yang dieksportkan ke Asia Barat ialah kayu gergaji, papan lapis, makanan dalam tin dan minyak masak, dan di sini saya ingin memaklumkan iaitu Kementerian saya akan terus menambah dan memperbanyakkan lagi kegiatan-kegiatan galakan eksport ke pasaran tersebut.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat tegoran mengenai tugas-tugas Kementerian saya. Sekiranya di dalam ucapan saya ini tidak sempat saya memberi ulasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, silalah berhubung terus dengan saya supaya dapat perkara-perkara tersebut diberi pertimbangan yang sewajarnya.

4.03 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat beberapa ulasan dari Jabatan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidangkuasa di bawah Kementerian Pengangkutan.

Mengenai masalah pembinaan Pelabuhan Kuantan yang d'bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, saya tidaklah memberi jawapan yang panjang oleh kerana perkara ini telah diketahui ramai terutama atas sebab-sebab kenapa pelabuhan itu terpaksa ditangguh pembukaannya, hanya memadailah saya mengatakan bahawa sungguhpun pelabuhan ini telah siap dibina pihak Kerajaan tidak akan memulakan operasinya selagi Kerajaan tidak benar-benar berpuas hati bahawa ianya adalah selamat. Pada ketika ini kita tidaklah mengetahui sama ada keretakan yang berlaku pada dermaga-dermaga itu merupakan kerosakan secara structure atau hanya di bahagian atas yang boleh dibaiki dengan senang. Untuk memastikan kedudukan yang sebenarnya maka itulah sebabnya Kerajaan telah melantik satu firma Juru Perunding yang bebas iaitu Sir Bruce White Wolfe Barry & Partners. Laporan daripada Juru Perunding ini akan disiapkan dan dikemukakan kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi dan berasas kepada laporan inilah baru kita akan mengetahui kedudukan yang sebenarnya mengenai pembinaan Pelabuhan Kuantan itu. Yang demikian, pada masa ini tidaklah patut bagi kita menuduh sesiapa, sama ada Juru Perunding atau kontraktor atau mana-mana pihak.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan perkara pembinaan pembangunan di lapanganterbang atau airport terminal di Lapanganterbang Kota Kinabalu. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan yang telah diluluskan bagi projek pembangunan Lapanganterbang Kota Kinabalu itu ialah sebanyak \$114.136 juta. Daripada jumlah ini complex terminal yang baru akan memakan belanja sebanyak \$62.585 juta. Kerja Peringkat I, iaitu kerja-kerja pembinaan dan pemanjangan landasan untuk kegunaan pesawat-pesawat yang besar seperti Boeing 747 sudahpun selesai. Peringkat II, iaitu kerja-kerja pembinaan parking apron sudahpun bermula dan dijangka siap pada tahun 1981 dan di dalam peringkat ini juga tawaran tender bagi bangunan terminal telah dimulakan. Kerja-kerja ini akan dijangka siap pada awal tahun 1983.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah mengesyorkan supaya pihak MAS menambahkan lagi jadual penerbangan dalam sektor-sektor yang sebok di Sarawak. Saya berterima kasih kepada beliau atas syor-syornya itu dan sukacitalah saya menyatakan bahawa MAS sentiasa mengawasi keadaan perkhidmatannya di Sabah dan Sarawak dan seringkali megulangkaji perkhidmatannya. Yang demikian, MAS akan menambahkan satu lagi pesawat Fokker Friendship untuk perkhidmatan di Sabah dan Sarawak. Dengan adanya satu lagi pesawat F-27, MAS dapat menambahkan perkhidmatan di Sarawak sejak 27hb Julai, 1979 seperti berikut:

Sektor Kota Kinabalu/ Labuan/Miri/Bintulu	- 6 kali seminggu
Sektor Bintulu/Sibu/ Kuching	- 3 kali seminggu.

Mulai daripada 1hb November, 1979 MAS telah menambahkan perkhidmatannya di antara Kuching dan Bintulu sebanyak 4 kali seminggu.

Rancangan MAS pada tahun depan adalah seperti berikut:

Sektor Kota Kinabalu/ Bintulu	- 7 kali seminggu
Bintulu/Sibu	- 7 kali seminggu
Sibu/Kuching	- 7 kali seminggu.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah membangkitkan perkara dendaan yang dibuat oleh MAS terhadap pembatalan tempahan bagi penumpang-penumpang yang tidak hadir untuk penerbangan-penerbangan yang ditempah.

Saya sukalah menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, dendaan ini dibuat semata-mata untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna kapal terbang yang benar-benar hendak menggunakan perkhidmatan. Yang demikian dengan adanya dendaan seperti ini, maka banyak kerusi-kerusi yang selama ini kosong oleh kerana orang-orang yang menempahnya tidak tiba di lapangan terbang, telah mula dipenuhi dengan orang-orang yang benar-benar hendak membuat penerbangan. Dengan adanya syarat pembatalan tempahan yang bermula daripada bulan Februari 1979 itu, penumpang-penumpang yang tidak hadir untuk penerbangan telah berkurangan daripada 21% sebelum Februari 1979 kepada 12% selepas Februari 1979.

Mengenai pembatalan perkhidmatan MAS dari Melaka ke Singapura sejak 1-11-77 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, maka saya menegaskan bahawa perkhidmatan itu telah dibatalkan oleh kerana ianya telah merugikan MAS. Pada masa perkhidmatan tersebut berjalan, dari segi muatan penumpang cuma mencapai angka purata penumpang seramai 17 orang bagi tiap-tiap perkhidmatan atau 33% muatan tempat duduk pesawat tersebut. Dari segi muatan kargo, MAS cuma mencapai tidak lebih dari 100 kilogram atau dari segi kiraan hasil cuma sebanyak \$40 bagi tiap-tiap perkhidmatan.

Setelah pembatalan perkhidmatan tersebut MAS telah meninjau dengan teliti atas perkara tersebut dan pada masa ini tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa keadaan bertambah baik dan oleh yang demikian MAS tidak dapat memberi perkhidmatan antara Melaka dan Singapura. Pembatalan perkhidmatan tersebut dapat mengurangkan kos perbelanjaannya dan membolehkan pesawat tersebut digunakan untuk perkhidmatan di sektor-sektor lain dalam negeri di mana perkhidmatan lebih diperlukan.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kota Melaka bersungut mengenai kecetekan Sungai Melaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun keadaan cetek, kerja menyelenggara muara Sungai Melaka senantiasa dilakukan oleh Jabatan Laut supaya kapal-kapal dapat terus berlabuh di luar dan tongkang-tongkang diguna untuk mengangkut barang-barang dari kapal ke kapal. Mengenai Keselamatan barang dari kecurian dan kerosakan tuan punya-tuan punya barang yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat tentu maklum, keadaan akan bertambah baik apabila jeti baru di Tanjung Bruas yang hampir siap dibina, dibuka awal tahun 1980. Dengan siapnya jeti baru itu, kapal-kapal boleh merapat ke tepi jeti, dan dari segi pengendalian kargo, sistem ini lebih baik dan cepat.

Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tumpat telah membangkitkan bahawa perkhidmatan tambang murah dari Kuala Lumpur/Kota Bharu sebanyak 3 kali seminggu seperti mana yang diadakan sekarang tidak mencukupi dan beliau telah mengesyorkan supaya jenis kapal terbang yang digunakan dinaikkan taraf daripada F27 kepada B737. Berhubung dengan ini saya sukacitalah menyatakan bahawa memandangkan betapa pesatnya pembangunan Kota Bharu MAS telahpun menambahkan perkhidmatan tambang murah dari 3 kali seminggu kepada 5 kali seminggu semenjak 1hb November, 1979 dengan menggunakan pesawat F27. Tetapi mulai 1hb April, 1980 MAS akan memulakan perkhidmatan tambang murah 3 kali seminggu dengan menggunakan pesawat B737. Ini bermaknalah bahawa kapasiti tempat duduk akan bertambah sebanyak 15%.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan masalah penumpang-penumpang yang begitu ramai menaiki keretapi dalam masa musim-musim perayaan dan beliau juga meminta supaya Keretapi Tanah Melayu menambah koc-koc di musim-musim tersebut.

Sebenarnya adalah menjadi hasrat dan tujuan Keretapi Tanah Melayu untuk memberikan perkhidmatan yang sempurna dan selesa kepada setiap penumpangnya. Tetapi dalam masa musim-musim perayaan seperti Hari Raya penumpang-penumpang terlalu ramai dan ini adalah menimbulkan masalah

bukan sahaja kepada semua jenis pengangkutan di Malaysia ini bahkan di seluruh dunia juga. Keretapi Tanah Melayu sentiasa berusaha untuk memenuhi kehendak-kehendak penumpang pada musim-musim perayaan itu seberapa daya upaya yang boleh. Keretapi Tanah Melayu misalnya mengadakan koc-koc tambahan dalam musim-musim tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh juga telah mencadangkan supaya kemudahan-kemudahan tempat sembahyang diadakan di stesen-stesen keretapi dan dalam koc-koc Express Rakyat.

Saya suka menyatakan memang ada tempat sembahyang di stesen-stesen besar seperti di Kuala Lumpur, Singapura, Gemas dan Kuala Kerai yang mana stesen-stesen ini adalah stesen permulaan ataupun penghujung perkhidmatan. Tetapi bagi stesen-stesen di pertengahan jalan, sukarlah pihak Keretapi Tanah Melayu untuk menyediakan tempat-tempat khas untuk sembahyang.

Mengenai cadangan mengadakan tempat sembahyang dalam train Ekpress Rakyat itu adalah sukar bagi Keretapi Tanah Melayu mengadakan tempat-tempat sembahyang khas dalam keretapi seperti ini oleh kerana koc-koc ekpress telah dibina khas untuk tempat-tempat duduk sahaja.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang jualan makanan orang-orang Islam dalam keretapi. Sebenarnya makanan-makanan yang dijual dalam Keretapi Tanah Melayu itu adalah halal dimakan oleh orang-orang Islam.

Akhirnya, saya suka juga menyentuh tentang satu jawapan saya ketika pertanyaan mulut pada 26-10-79 mengenai penerbangan Concorde di mana saya telah menyatakan bahawa tidak ada satu buah negara di dunia yang telah membenarkan penerbangan Concorde secara supersonic melalui ruang angkasanya. Saya suka menyatakan bahawa jawapan saya itu tidaklah begitu tepat oleh kerana adalah difahamkan ada satu atau dua buah negara yang membenarkan penerbangan Concorde dengan kelajuan supersonic melalui padang pasir yang tidak mempunyai ramai penduduk dalam negara mereka. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

4.24 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam aktiviti-aktiviti ajensi di bawah portfolio saya. Semua cadangan dan hujah-hujah telahpun diambil perhatian untuk dilaksanakan sejauh mana yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan di atas butir-butir yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara yang ada berkaitan dengan Kementerian saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1980.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 22hb Oktober, 1979 telah menyatakan kebimbangannya berkenaan dengan cadangan Kerajaan mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan mengeksploitasi sumber-sumber alam semula jadi yang non-renewal seperti carigali petroleum, pembalakan dan penggalian bijih timah dan lain-lain. Pihak Kerajaan sedar akan usaha-usaha yang dijalankan bagi mengeksploitasi sumber alam semula jadi untuk faedah rakyat dan negara dan pihak Kerajaan juga mengadakan beberapa sekatan serta kawalan bagi menentukan yang penggunaan sumber-sumber alam semula jadi ini tidak melampaui batas-batas yang tertentu. Cara-caranya adalah dengan mengadakan peraturan dan perancangan yang lebih teratur dan ini pula akan ditimbangkan dengan satu undang-undang yang dibentangkan di Dewan untuk perbincangan iaitu Rang Undang-undang ini adalah Rang Undang-undang Taman Negara, 1979. Saya juga suka membangkitkan kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah membayangkan pada 26hb Oktober, 1979 punca-punca air di Lembah Kelang ada kemungkinan akan kehabisan sebelum 1983. Langkah-langkah perlu yang dijalankan adalah dengan menentukan yang tindakan-tindakan pencegahan hakisan kelodakan dan lain-lain diadakan yang mana Kementerian saya telahpun mengadakan garis panduan bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh berbagai agensi,

pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Tempatan yang akan melaksanakan peraturan-peraturan itu. Cadangan-cadangan itu akan dikemukakan kepada Majlis Tanah Negeri untuk persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan itu di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu.

Menyentuh kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu pada 5hb. November, 1979 yang ingin tahu potensi mengeluarkan alkohol dari bahan-bahan pertanian, saya suka menegaskan pihak Kerajaan sedang menjalankan penyiasatan di atas kegunaan bahan tenaga ini.

Seperti yang dirumuskan oleh simposium berjudol Sago 1979 di pertengahan bulan September tahun ini, Sago dan lain-lain bahan kanji yang diperolehi di negara ini boleh mengeluarkan alkohol untuk kegunaan sumber tenaga. Pihak SIRIM di bawah Kementerian saya sedang mengendalikan beberapa projek bagi menentukan penyiasatan serta kos menggunakan sumber tenaga itu yang mana satu projek bio-gas akan dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Projek ini kemungkinan akan diadakan di beberapa kawasan seperti Pulau Pinang, Melaka dan Johor. Projek ini juga adalah bertujuan untuk memperbaiki alam sekeliling khasnya dalam usaha menggunakan bahan-bahan tidak berguna (recycling domestic and industrial waste) yang mencemar alam sekeliling.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyampikan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas minat mereka termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak menyentuh tugas-tugas Kementerian saya oleh kerana mungkin mereka cukup berpuashati.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membangkitkan perkara-perkara tertentu berkaitan dengan Kementerian saya di dalam ucapannya. Sebagaimana Dewan ini sedia maklum sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dibangkit itu telahpun dijawab dahulunya dan oleh yang demikian tidaklah perlu bagi saya pada ketika ini mengulangi dengan panjang lebarnya jawapan-jawapan yang telah diberi itu.

Ahli Yang Berhormat itu menyebutkan kes kanak-kanak berumur 14 tahun yang telah dibicara dan disabitkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 yang mana hukuman ke atas kanak-kanak itu telah diringankan kemudiannya. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa tindakan yang diambil untuk mendakwa orang-orang yang didapati memiliki senjata api di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan bukannya di bawah Akta Senjata, 1960 itu menunjukkan penyalahgunaan kuasa oleh kerana sabitan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 memperuntukkan hukuman mati yang termesti, manakala sabitan Akta Senjata, 1960 memperuntukkan hukuman maksima selama 7 tahun penjara. Apa yang perlu diingatkan sebagai satu perkara yang amat penting dalam sesuatu kes yang melibatkan senjata api ialah soal mengenai keselamatan negara.

Semua kes yang melibatkan senjata api adalah dirujukan kepada Peguam Negara untuk pertimbangan dan keputusan beliau sama ada atau tidak seorang itu dipertuduhkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 Akta Senjata, 1960 atau Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat), 1971 bergantung kepada berbagai-bagai faktor. Pertimbangan utama ialah ancaman kepada keselamatan negara. Hal-hal yang sebelumnya mengenai orang yang dipertuduhkan itu adalah juga berkaitan. Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya mempunyai budibicara tentang pertuduhan yang hendak dibuat dan tidak terlintas langsung dalam fikiran penggunaan budibicara itu adalah suatu penyalahgunaan kuasa sebagaimana yang ditegaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ada terdapat kenyataan di sisi kehakiman tentang kuasa Peguam Negara di bawah Article 145 (3) Perlembagaan Persekutuan bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa pembicaraan atas sesuatu kesalahan dan telah terdapat bahawa kuasa ini adalah berupa budibicara sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu sudah pasti sedia maklum dengan hujjah yang diberikan oleh Privy Council dalam hubungan ini dalam kes *Teh Cheng Poh v Pendakwa Raya*.

Di sini saya petikan hujjahnya itu, dengan izin, Yang di-Pertua:

"Under the Common Law system of administration of criminal justice, a prosecuting authority has the discretion

whether to institute proceedings at all and, if so, with what offence to charge the accused. Such a discretion is conferred upon the Attorney-General of Malaysia by Article 145 (3) of the Constitution. There are many factors which a prosecuting authority may properly take into account in exercising its discretion as to whether to charge a person at all or, where the information available to it discloses the ingredients of a greater as well as a lesser offence, as to whether to charge the accused with the greater or the lesser. The existence of those factors to which the prosecuting authority may properly have regard and the relative weight to be attached to each of them may vary enormously between one case and another. All that equality before the law requires is that the cases of all potential defendants to criminal charges shall be given unbiased consideration by the prosecuting authority and that decision whether or not to prosecute in a particular case for a particular offence should not be dictated by some irrelevant consideration."

Oleh yang demikian, adalah suatu perkara yang menghairankan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang menjadi Peguam kepada pihak merayu dalam kes Teh Cheng Poh itu patut pula sekarang ini cuba mengelirukan dan menarik perhatian kepada perkara lain dalam perjalanan Dewan ini dengan mengatakan bahawa budibicara yang diberikan menurut Perlembagaan itu dijalankan oleh Peguam Negara adalah satu penyalahgunaan kuasa. Ahli Yang Berhormat juga berpendapat bahawa Peguam Negara patut memperakukan bahawa Teh Cheng Poh dan lain-lain lagi dalam keadaan yang sama dengannya itu diberi pengampunan. Biarlah saya tegaskan di sini apa yang telah diputuskan oleh Privy Council dalam kes Teh Cheng Poh ialah perbicaraannya adalah tidak sah memandangkan kepada hakikat bahawa ia telah dijalankan mengikut peraturan yang dikira tak berperlembagaan. Bagaimanapun jelas didapati dan saya pasti Ahli Yang Berhormat itu benar-benar sedar bahawa pertudahan yang dibuat itu adalah sah di sisi undang-undang dan Perlembagaan. Ini sahaja akan dapat mematahkan apa-apa jua cadangan tentang penyalahgunaan kuasa oleh Peguam Negara semasa membuat pertudahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

Soal pengampunan, sebagaimana Dewan ini sedia maklum adalah suatu perkara yang dikawal oleh Article 42 Perlembagaan Persekutuan dan Peguam Negara adalah seorang dari antara Ahli-ahli Lembaga Pengampunan itu. Fasal (9) Article 42 memperuntukkan bahawa Lembaga Pengampunan hendaklah menimbang apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah dikemukakan oleh Peguam Negara atas apa-apa perkara yang ada di hadapan Lembaga itu. Apakah pendapat Peguam Negara itu akan bergantung pada patut atau tidaknya tiap-tiap satu kes. Orang yang disabitkan itu cumalah satu faktor untuk pertimbangan. Selain dari ini saya tidak dapat berkata apa-apa lagi berhubung dengan pendapat Peguam Negara oleh sebab perkara itu adalah sulit. Kuasa pengampunan mengenai kesalahan-kesalahan keselamatan sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan Peguam Negara sebagaimana yang telah dikatakan tadi cumalah seorang Ahli Lembaga Pengampunan.

Akhir sekali, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membuat cadangan atau membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Sungguhpun perkara-perkara itu akan diambil ingatan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Penerangan.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa perdebatan ucapan Belanjawan yang tamat pada hari semalam tidak banyak perkara-perkara yang berhubung dengan Kementerian Penerangan disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menganggap ini sebagai satu tanda bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai berpuas hati dengan perjalanan Kementerian ini, khususnya perkhidmatan yang dibuat oleh Jabatan Penyiaran.

Kalau demikian halnya, saya berharap Kementerian ini akan dapat terus memperbaiki lagi perkhidmatannya dari masa ke masa untuk memuaskan kehendak sebahagian besar pendengar dan penonton radio dan TV.

Saya nampak hanya 2 orang Ahli Yang Berhormat sahaja iaitu Yang Berhormat Wakil Rakyat dari Kangar dan Yang Berhormat Wakil Rakyat dari Pengkalan Chepa yang telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan televisyen dan telah mengutarakan beberapa syor bagi pertimbangan Kementerian ini. Saya berterima kasih atas teguran-teguran dan syor-syor yang telah dibuat oleh mereka itu dan mana-mana syor yang menasabah akan ditimbang bagi menentukan bahawa perkhidmatan ini dapat terus diperbaiki dan dapat memuaskan kehendak sebahagian besar penonton dari berbagai kaum di negara.

Berhubung dengan cadangan supaya TV Malaysia menambah lagi masa liputan Laporan Dewan Rakyat, suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian ini sedang menimbang menambah lagi masa bagi Laporan tersebut demi kepentingan orang ramai. Namun begitu, suka saya menyatakan bahawa Laporan Dewan Rakyat ini telah dibuat melalui semua rangkaian radio yang ada baik di Rangkaian Nasional, Rangkaian Biru, Hijau dan juga Merah yang keseluruhannya memakan masa sebanyak 65 minit pada tiap-tiap hari.

Selain daripada itu, perbincangan ini dimasukkan juga di dalam Warta Berita di kedua-dua Rangkaian Pertama dan Rangkaian Kedua di TV dan di semua Berita di dalam semua rangkaian Radio. Ada kalanya ulasan berita baik di TV dan Radio jua dibuat mengenai perkara-perkara tertentu yang dibangkitkan. Sambil itu bagi perkara-perkara penting seperti ucapan Belanjawan atau kenyataan-kenyataan yang menyentuh kepentingan negara dan bangsa siaran secara langsung melalui TV dan Rad'io juga diadakan. Saya percaya dengan tindakan yang dibuat oleh Radio dan TV mengenai Laporan Dewan Rakyat ini maka perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sudah tentu dapat didengar atau dilihat dengan memuaskan oleh pengundi-pengundi dan penyokong-penyokong Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing kalau tidak melalui TV juga melalui Radio.

Berhubung dengan cadangan supaya diadakan Pertandingan Drama, sebenarnya perkara ini telahpun dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Kementerian Pelajaran dan juga badan-badan kebudayaan dan persuratan di seluruh negara dari masa ke semasa. Dari segi TV Pertandingan Drama ini baik dari segi penulisan skrip, lakunan dan penerbitan drama-drama tersebut pernah diadakan.

Pada masa ini kita sedang mengkaji cara-cara yang lebih baik bagi meneruskan Pertandingan Drama yang telah diadakan itu. Kita harap melalui pertandingan yang akan diadakan dan juga pertandingan-pertandingan lain yang dikendalikan oleh Kementerian-kementerian atau badan-badan kebudayaan dan persuratan akan menambah ke arah pembangunan drama dalam negara ini sambil membantu RTM sendiri dalam usahanya meningkatkan lagi penerbitan drama yang berkesan untuk rakyat dan negara.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat agar selepas setiap Azan di TV diadakan rancangan-rancangan yang sesuai, saya sebenarnya tidak begitu jelas dengan kehendak Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya masalah ini telahpun diambil tindakan oleh Jabatan Penyiaran agar selepas tiap-tiap Azan di TV terutamanya diwujudkan rancangan-rancangan yang dirasakan sesuai dengan keadaan yang wujud ketika itu. Dari reaksi yang diperolehi masalah ini kurang berbangkit sekarang. Namun begitu suka saya memaklumkan di sini bahawa Jabatan Penyiaran sedang mengkaji keseluruhan daripada rancangan-rancangan TV yang ada dan jadual rancangan-rancangan tersebut supaya ia bersesuaian dengan matlamat yang ada pada bangsa dan negara termasuk juga sebarang reaksi dari orang ramai yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

Mengenai dasar meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam rancangan-rancangan TV sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar, perkara ini memanglah menjadi dasar dan tujuan utama RTM. Buat masa sekarang semua hebahan rancangan TV dibuat dalam Bahasa Malaysia. Begitu juga sebahagian besar dari rancangan-rancangan terbitannya adalah dibuat dalam Bahasa Malaysia. Filem-filem asing yang diimport dari luar negeri yang disiarkan melalui TV diberikan sarikata dalam Bahasa Malaysia. Selain daripada itu setengah-setengah rancangan yang berbentuk Documentary dan Kartun juga dialihbahasakan ke

Bahasa Malaysia. Dari masa ke semasa RTM akan terus menambah lagi rancangan-rancangan terbitannya di dalam Bahasa Malaysia.

Sungguhpun begitu adalah wajar bagi RTM untuk memainkan peranannya secara positif dalam keadaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Dengan hal yang demikian RTM perlu menjadi alat perhubungan yang berkesan dan dinamis dengan bentuk siaran serta kandungan rancangan yang mencerminkan keadaan bahawa Malaysia mempunyai identitinya sendiri menurut Perlembagaan, Rukunegara dan aspirasi rakyat dan negara.

Ini terbayang pada dasar aspirasi RTM sekarang ini iaitu 60% dari rancangan-rancangannya adalah terbitan tempatan dan 40% rancangan-rancangan dari luar negeri. Ucapan-ucapan penting yang menyentuh kepentingan rakyat dan negara disiarkan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa-bahasa lain yang dirasakan perlu dan sesuai seperti bahasa Inggeris, China dan Tamil. Filem-filem dalam bahasa-bahasa ini juga disiarkan untuk meniggikan ilmu pengetahuan dan untuk hiburan rakyat.

Berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang menimbulkan bahawa TV menyiarkan filem-filem yang mengandungi adigan-adigan minum arak dan separuh bogel, suka saya menyatakan di sini bahawa masalah-masalah ini tidak timbul dari segi rancangan-rancangan terbitan tempatan. Perkara ini mungkin ada dari segi rancangan-rancangan yang diimport dari luar negeri. Namun begitu saya tidak tahulah apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan perkataan "separuh bogel" dan apakah yang separuh bogel itu lelaki atau perempuan.

Filem-filem daripada luar yang kita terima sebenarnya telah dikaji dari segi segala kandungannya oleh Lembaga Penapis Filem sebelum filem-filem itu diedarkan. Bagi keperluan TV filem-filem tersebut akan ditapis lagi oleh sebuah Jawatankuasa Khas Lembaga Penapis yang diwujudkan di Jabatan Penyiaran. Jawatankuasa Khas ini telah menetapkan syarat-syarat tertentu yang lebih ketat dan yang mesti dipatuhi sebelum filem-filem itu ditayangkan melalui TV.

Dengan cara itu mana-mana adigan yang dirasakan kurang sihat untuk tontonan umum dapat dielakkan. Namun begitu, dari segi adigan yang menunjukkan minuman arak atau keadaan separuh bogel sepertimana yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat, perkara ini sebenarnya diperhatikan oleh Jawatankuasa ini khususnya adigan-adigan yang menyentuh tentang perjalanan cerita yang ada asalkan ianya tidak menggambarkan keadaan yang keterlaluan dan tidak merosakkan perjalanan cerita. Usaha akan terus dibuat bagi mengurang adigan-adigan yang dianggap tidak begitu sihat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang menimbangkan satu panduan baharu bagi filem-filem yang akan diimport dari luar negeri. Kita harapkan panduan-panduan baharu yang akan diwujudkan boleh menyumbang ke arah pembangunan bangsa yang lebih sihat sesuai dengan Rukunegara dan membantu dalam mencapai setiap matlamat yang ada pada bangsa dan negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am.

4.51 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am seperti berikut:

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan dari Kuala Lumpur Bandar yang telah membawa perkara-perkara menyentuh bidang kuasa Kementerian saya. Bagi menjawab cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar bertarikh pada 23hb Oktober, 1979 supaya dibentuk Jawatankuasa di berbagai-bagai peringkat yang mengendalikan masalah penagihan dadah. Sebenarnya peruntukan undang-undang telah diberi bagi melantik Jawatan kuasa-jawatankuasa Pemulihan Penagihan Dadah di Peringkat Daerah.

Kementerian saya telah mengambil tindakan menubuh serta melantik ahli-ahli masyarakat tempatan supaya melibatkan diri dalam kegiatan menentang dadah. Tindakan sedang d'ambil bagi mengisytiharkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pemulihan Penagihan Dadah di peringkat daerah untuk disiarkan dalam Warta Kerajaan.

Mengenai syor Yang Berhormat dari Kangar pada 23.10.79 dan juga Yang Berhormat dari Semerah pada 8.11.79 mengadakan sebuah pulau khas bagi penempatan penagih-penagih dadah yang juga sering diterima daripada berbagai pihak, pada anggapan saya tidak begitu perlu. Ini disebabkan pemisahan penagih-penagih dadah daripada masyarakat akan menimbulkan satu keadaan atau situasi yang sukar bagi kita mengintegrasikan mereka semula ke pangkuan masyarakat. Selain daripada itu berbangkit kesukaran pentadbiran dimana kita akan terpaksa menghantar bekalan keperluan kepada penagih-penagih dadah dan lain-lain kakitangan serta famili mereka yang duduk di pulau itu. Saya suka menjelaskan bahawa tabiat mengisap dadah tidak boleh disama-ertikan dengan penjenayah kerana kebanyakannya mereka itu sebenarnya merupakan mangsa penyakit sosial yang lebih memerlukan rawatan saikologi daripada dikenakan hukuman secara fisikal. Namun demikian kerja-kerja pemulihan memerlukan juga disiplin yang ketat. Dengan undang-undang Seksyen 25(d) Akta Dadah Berbahaya 1977 telah memberi kuasa kepada pihak yang berkenaan melanjutkan tempoh pemulihan seseorang penagih dadah lebih daripada 6 bulan. Pusat-pusat pemulihan dadah di bawah Kementerian saya sedang menjalankan kerja-kerja pemulihan yang boleh dikatakan berkesan untuk mereka yang ingin mendapat rawatan.

Bagi menjawab soalan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 26.10.79, saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya sudahpun menjalankan usaha-usaha terhadap penubuhan yaysan-yaysan kebajikan negara yang tujuan utamanya ialah untuk menyalurkan bantuan kewangan dan kemudahan-kemudahan kepada mereka yang memerlukannya. Ini termasuklah bantuan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu memberi pertolongan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan di seberang laut. Peraturan-peraturan juga akan dibuat untuk menentukan jenis pesakit yang patut menerima bantuan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

4.55 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk mengutarakan beberapa padangan yang berguna dan teguran-teguran yang membina mengenai dasar luar negeri Malaysia dan Kementerian Luar Negeri. Nampaknya daripada perbincangan sidang Belanjawan banyak pandangan-pandangan tentang dasar luar negeri yang telah dibangkitkan dan ini menunjukkan kegigihan minat Ahli-ahli Dewan atas perkara yang begitu penting bagi negara kita ini. Sepertimana Ahli-ahli Dewan ini sedia maklum, keutamaan (priority) dasar luar mana-mana negara jua termasuk negara kita, adalah memperjuangkan kedaulatan, keutuhan wilayah serta kemerdekaan negara dan kedua, bagi meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negara.

Beralih kepada perbincangan sidang Belanjawan ini, sukalah saya menyentuh pandangan pandangan yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Dewan ini.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ulu Langat di atas penghargaan beliau terhadap peranan diplomasi negara kita dalam ikhtiar-ikhtiar untuk menentukan agar pergolakan yang berlaku di Indo-China hari ini tidak merebak dan mengancam ASEAN. Di samping itu pula pandangan Yang Berhormat tersebut bahawa negara-negara ASEAN harus bersedia mempertahankan negara masing-masing adalah sejajar dengan dasar yang kita pelupori sekarang.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat dari Kangar supaya Duta-duta kita di seberang laut menapis secukupnya orang-orang yang ingin datang ke Malaysia terutama dari India dan Pakistan supaya mereka ini tidak membawa unsur-unsur dakwah yang menyeleweng, pihak Kementerian saya akan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menegur asas pengiktirafan rejim Pol Pot dan menyatakan dasar kita tidak mengikut "reality" serta tidak mengambil hirau langsung akan polisi ganas dan kejam rejim Pol Pot.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kita tentang pergolakan di Kampuchea adalah jelas lagi tegas. Apakah "reality" yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Baling itu bermakna bahawa beliau membendung tindakan campurtangan hal ehwal dalam negeri oleh negara jiran, malah pula campurtangan dengan kekerasan tentera? Sebenarnya inilah apa yang berlaku di Kampuchea dan inilah "reality" yang didapati terjadi. Tuan Yang di-Pertua, inilah "reality" yang kita mesti berusaha mengelakkan. Apa yang berlaku atau "reality" yang dikatakan itu adalah bahawa satu-satu daripada prinsip-prinsip asasi hubungan antarabangsa iaitu prinsip tidak mencampurtangan dalam hal ehwal dalam negeri orang lain, lagi pula dengan menggunakan kekerasan tentera; prinsip asasi hubungan antarabangsa ini telah dicabulkan dalam kes Kampuchea. Kita mengambil pendirian menyokong Kerajaan Demokratik Kampuchea semata-mata berasaskan pegangan teguh kita kepada prinsip-prinsip asasi ini dan juga berasaskan ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu yang masih mengiktirafkan kerajaan Pol Pot.

Saya ulangi bahawa, pertama, prinsip-prinsip asasi hubungan antarabangsa ini yang tercatat dalam piagam Bangsa-bangsa Bersatu, jika tidak dipatuhi dengan penuhnya setiap masa oleh semua negara akan membawa kacau bilau dalam hubungan antarabangsa. Itulah yang diperjuangkan oleh kita, iaitu, prinsip-prinsip asasi hubungan antarabangsa tidak boleh dicabulkan oleh sesiapa jika semua negara berkehendakkan keamanan dan kestabilan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi lagi sekali apa yang telah pun kerap kali diperkatakan, iaitu Malaysia sendiri bukan dan tidak berkenankan kerajaan Pol Pot kerana rekodnya yang ganas dan kejam terhadap rakyat Kampuchea. Akan tetapi walau bagaimana sekalipun sikap dan corak satu-satu Kerajaan, ini tidak pula menjadikan hak bagi negara jiran atau mana-mana negara asing mencampurtangan dalam hal ehwal negara itu, lebih-lebih lagi bukan menjadi hak negara asing menggulingkan Kerajaan yang sedia ada dan yang diiktiraf oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Hal Ehwal dalam mana-mana negara jua termasuk soal ganti-mengganti Kerajaan itu adalah hak mutlak rakyat negara itu sendiri. Demikianlah juga halnya di Kampuchea. Soal menggantikan atau tidaknya

Kerajaan Pol Pot yang diketahui kejam dan ganas terhadap rakyat Kampuchea adalah hak mutlak rakyat Kampuchea sendiri. Oleh itu, perbuatan negara jiran Kampuchea menggulingkan Kerajaan negara itu dengan kekerasan tentera adalah langkah yang mencabul prinsip asasi yang dikatakan tadi serta mencabulkan hak mutlak rakyat Kampuchea memilih Kerajaannya sendiri, dan perbuatan-perbuatan ini mestilah dibantah oleh semua negara-negara yang inginkan keamanan dan kestabilan serantau serta diperingkat antara bangsa.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ulangi iaitu adalah jelas bahawa pendirian kita itu semata-mata berasaskan prinsip dan tidak langsung niat kita bersikap sebelah menyebelah antara pendirian kuasa-kuasa besar atau kuasa-kuasa mana jua pun. Kalau hendak diperkatakan juga, maka Malaysia mengambil sikap menyebelahi prinsip-prinsip asasi hubungan antarabangsa menyebelahi hak mutlak rakyat Kampuchea dan menyebelahi perdamaian, keamanan dan kestabilan serantau. Maka dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, sikap kita yang lurus, berkecuali, lagi benar dan jujur itu tidak harus menghiraukan sama ada ianya mengakibatkan pemerintah Kampuchea sekarang akan merasa dendam terhadap kita seperti yang ditegurkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar. Lagi pula, sikap kita yang waras itu terbukti di Bangsa-bangsa Bersatu apabila majoriti yang besar antara negara-negara di Perhimpunan antarabangsa itu baru-baru ini menyokong Kerajaan Pol Pot dibenarkan menduduki kerusinya di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu. Antara negara-negara yang mengundi, 71 menyokong sikap kita, 35 membangkang, 34 berkecuali dan 11 tidak mengambil bahagian atau tidak hadir.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang telah menyeru supaya dasar kita patut bertujuan mengekalkan hubungan baik dengan Vietnam. Sebenarnya cadangan itu adalah menjadi dasar Kerajaan sekarang ini, iaitu memang menjadi dasar kita supaya terus mengadakan hubungan dengan Vietnam dalam kontek merapatkan lagi jalinan hubungan dua-hala. Sebenarnya pula, dalam kontek ini memang sudah sedia ada hubungan baik kita dengan Vietnam yang terus diamalkan. Baru-baru ini saya

sendiri telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Pham Van Dong dan Setiausaha Luar Nguyen Co Thach di Havana waktu menghadiri sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali. Selepas itu pula, baru dalam bulan sudah, Timbalan Menteri Luar Phan Hien telah berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan saya waktu itu di New York menghadiri Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu. Perbualan dan perbincangan saya tersebut telah diadakan dalam suasana bebas dan berterus terang meliputi masalah-masalah dua hala dan serantau. Selain daripada itu saya sendiri mengulangkan sekali lagi bahawa saya sentiasa bersedia pergi ke Vietnam jika keadaan dan suasana mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah menyuarakan supaya di samping kita menguatkan pertahanan dalam negeri, Malaysia harus meningkatkan usaha-usaha diplomatiknya. Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah menyatakan bahawa memang inilah dasar yang kita amalkan sekarang. Kita dan tiap-tiap negara ASEAN hendaklah sentiasa berwaspada tentang segala perkembangan yang boleh menjejaskan kedaulatan negara-negara kita. Ini bermakna tiap-tiap buah ASEAN terpaksa menitikberatkan pertahanan masing-masing sebab ASEAN tidak berniat untuk mengadakan pakatan ketenteraan. Di samping itu, kita bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain perlulah meningkatkan segala ikhtiar-ikhtiar diplomatik untuk mengawal perseolakan di Indo-China supaya tidak merebak, malah mencari jalan penyelesaian politik dengan cara aman dan damai.

Dari segi meningkatkan usaha-usaha diplomatik kita ini, suka saya melaporkan kepada Dewan langkah-langkah yang kita ambil bersama negara-negara ASEAN di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, lebihkurang satu minggu yang lepas Malaysia bersama negara-negara ASEAN yang lain telah membentangkan satu deraf resolusi mengenai suasana di Kampuchea. Deraf resolusi kita ini dibentangkan bersama negara-negara ASEAN yang lain telah membentangkan satu deraf resolusi mengenai suasana di Kampuchea. Deraf resolusi kita ini dibentangkan bersama oleh 21 buah negara-negara Asia, Afrika, dan Amerika Selatan dan juga negara-negara Barat. Deraf resolusi ASEAN ini ada-

lah sederhana tetapi positif. Ianya mencerminkan sentimen semua pihak-pihak yang berkenaan setelah perbincangan luas dan lanjut diadakan. Deraf ini juga menekankan masalah peri kemanusiaan di samping masalah politik di Kampuchea. Ianya meliputi tindak-tanduk yang realistik.

Untuk menggalakkan penyelesaian politik deraf resolusi ini menekankan supaya persengketaan bersenjata dihentikan, pengunduran tentera-tentera asing dilaksanakan dengan serta-merta dari Kampuchea, dan menyeru supaya semua pihak-pihak yang terlibat menyelesaikan persengketaan ini dengan cara aman dan damai. Selaku seruan umum, semua negara-negara diminta menghindarkan daripada campur tangan di dalam hal ehwal dalam negara Kampuchea supaya rakyat Kampuchea bebas menentukan masa depan mereka sendiri. Deraf ini juga tidak ketinggalan menumpukan perhatian kepada masalah peri kemanusiaan terhadap azab dan kesengsaraan yang menimpa rakyat Kampuchea sekarang. Selain daripada kebuluran, wabak penyakit dan menjadi orang-orang pelarian, rakyat Kampuchea dikatakan sekarang menghadapi peringkat yang paling merbahaya terhadap survivalnya. Kemungkinan bangsa khmer akan lenyap atas muka bumi ini sekiranya tindakan segera tidak diambil.

Dengan bertujuan untuk memastikan supaya satu "follow-up action" dilaksanakan, Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu telah diseru menggunakan jasa baiknya untuk mengendalikan sesuatu yang boleh membawa kepada penyelesaian masalah Kampuchea ini dengan keseluruhannya melalui jalan aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, suasana ketegangan di sempadan Thai/Kampuchea jika dibiarkan berterusan akan lebih membimbangkan kerana ia akan merebak dan mengancam Thailand dan seterusnya mengancam kestabilan ASEAN. Seruan kita untuk mencari penyelesaian politik di Kampuchea berpunca semata-mata dari hasrat kita untuk mengekalkan suasana kestabilan dan keamanan serantau.

Selain daripada langkah ASEAN membentangkan deraf resolusi tersebut di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu, ikhtiar diplomatik kita termasuk sokongan penuh kita terhadap permohonan Perdana Menteri Thailand Tun Kriangsak kepada

Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu supaya menghantar satu "fact finding mission" ke sempadan Thai/Kampuchea dengan serta-merta untuk memerhati dan melaporkan situasi di kawasan sempadan tersebut dalam usaha mengawal supaya pergengketaan di Kampuchea itu tidak merebak.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah mengambil bahagian menyentuh hal-hal luar negeri tetapi yang mana saya tidak sempat menjawab satu persatu, walau bagaimanapun segala pandangan-pandangan Ahli-ahli Dewan itu akan saya ambil perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat dan menyentuh mengenai kegiatan-kegiatan di bawah Kementerian saya.

Yang Berhormat dari Mas Gading telah mencadangkan supaya tanah diusahakan supaya menambahkan pengeluaran hasil dan bahan-bahan makanan. Inilah sebenarnya aktiviti di dalam FELDA dan FELCRA. Di bawah Undang-undang Tanah memanglah tuan tanah diwajibkan mengusahakan tanah dengan sepenuhnya tetapi Kerajaan juga sedar tentang masalah yang dihadapi seperti pemilikan bersama, ketiadaan pengalaman pusaka, kekurangan modal dan tenaga, keadaan tanah yang tidak subur dan sebagainya. Oleh sebab-sebab ini maka Kerajaan melalui projek-projek pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan juga melalui ejensi-ejensi seperti RISDA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan FELCRA memberi pertolongan untuk meninggikan kegunaan tanah.

Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh tentang bekas tanah lombong yang tidak dapat diberi kepada koperasi-koperasi untuk maksud perumahan kos

rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kuasa untuk meluluskan bekas tanah lombong untuk projek-projek perumahan dan lain-lain adalah di tangan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan turut membantu untuk mengkaji cara kegunaan tanah-tanah bekas lombong bukan sahaja dari segi keadaan tanah tetapi juga dari segi pentadbirannya. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bersetuju pada dasarnya yang tanah-tanah bekas lombong ini digunakan semula antara lain untuk perumahan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mencadangkan supaya polisi pengambilan balik tanah dikaji semula dan diselaraskan antara negeri-negeri Semenanjung Malaysia khasnya di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Pengambilan Tanah 1960 membolehkan Kerajaan mengambil balik tanah untuk maksud awam seperti untuk perumahan, perusahaan pertanian, kegunaan Jabatan-jabatan Kerajaan dan sebagainya. Sungguhpun begitu, Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri memang berunding terlebih dahulu sebelum sesuatu tapak itu diambil. Tujuan perundingan ialah untuk mendapat keseimbangan antara keseimbangan antara kehendak awam dengan kepentingan penduduk di tapak-tapak yang dikehendaki. Pada masa ini pihak Kementerian sedang mengkaji satu pendekatan baharu untuk mewujudkan satu cara pengambilan tanah secara menyeluruh bagi sesuatu kawasan dalam satu-satu jangka masa. Cara ini ialah untuk mengelakkan sistem pengambilan tanah secara *ad hoc*. Pada tahun ini juga telah diwujudkan pasukan-pasukan petugas di bawah Ketua Pengarah Tanah dan Galian Semenanjung Malaysia untuk menyalaras pengambilan balik tanah dengan tujuan untuk mempercepatkan proses pengambilan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah meminta supaya Kerajaan mengawasi tanah-tanah yang dipunyai oleh pihak-pihak swasta supaya tidak disalahgunakan. Di bawah Undang-undang Tanah khususnya Kanun Tanah Negara, ada tiga pembahagian utama bagi kegunaan tanah iaitu pertanian, bangunan dan perindustrian dengan syarat-syarat yang termaklum yang patut diikuti oleh pemilik tanah. Di samping itu juga tiap-tiap keping tanah selalunya ada syarat-syarat yang nyata. Pihak Pentadbiran Tanah Negeri

dan Daerah bertanggungjawab untuk memastikan supaya penggunaan tanah tidak melanggar syarat-syarat tersebut. Yunit-yunit Penguatkuasa di peringkat Negeri dan Daerah turut bertanggungjawab. Pengawasan juga terdapat di bawah Undang-undang Kerajaan Tempatan dan Akta Perancangan Bandar dan Desa.

Menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Permatang Pauh supaya kerajaan mengawal penjualan tanah-tanah sawah yang sedang berlaku secara berluas-luasan sekarang ini kerana harganya tinggi. Pihak Kerajaan memanglah sedar di atas akibat buruk yang akan dialami oleh petani-petani yang mementingkan keuntungan cepat dan jangka pendek dengan menjualkan tanah-tanah mereka itu. Petani-petani ini akan kehilangan punca mata pencarian yang kukuh dari tanah sawah yang telah mereka jual. Kerajaan memang tidak menggalakkan penjualan begini. Di atas kesedaran inilah Kerajaan telahpun mengadakan berbagai-bagai cara bagi meningkatkan taraf hidup pesawah-pesawah seperti menjamin harga jualan yang berpatutan bagi hasil padi mereka di bawah kawalan LPN dan juga mengadakan kemudahan-kemudahan untuk mendapat pinjaman yang diadakan oleh Bank Pertanian dan Bank Rakyat bagi tujuan kemajuan pertanian mereka demi untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Adalah menjadi harapan Kerajaan semuga petani-petani tidak menjual tanah-tanah sawah mereka apabila keadaan kehidupan mereka telah menjadi lebih selesa dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam telah menyatakan pembahagian tanah di bandar di antara orang kaya dan miskin patut realistik kerana tanah di bandar semakin berkurangan. Katanya, langkah-langkah patut diambil untuk mendesak orang-orang yang banyak tanah di bandar menjualkan tanah mereka kepada Kerajaan dengan harga yang sederhana, kemudian tanah itu dijual pula kepada orang-orang yang tiada mempunyai tanah. Saya memang sedar adanya keadaan begini secara terencil di sana ini. Sebagaimana yang telah saya maklumkan sewaktu menjawab cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, pihak Kerajaan memang mempunyai cara dan tujuannya sendiri apabila mengambil balik tanah untuk kepentingan awam. Untuk mengambil balik tanah hanya

kerana ianya dimiliki dengan banyak oleh orang kaya bukanlah amalan biasa, apakah lagi untuk menekan harga tanah keparas yang dikatakan sederhana iaitu di bawah harga pasaran yang berpatutan. Ini bercanggah dengan Artikel 13 Perlembagaan. Adalah tidak realistik untuk menekan harga tanah ke bawah harga pasaran untuk dijual kepada orang yang tidak mempunyai tanah, jika pihak yang tidak mempunyai tanah dapat pula menjual tanah yang dibeli di bawah harga pasaran, dengan harga pasaran dan mendapat keuntungan yang cepat, maksud Ahli Yang Berhormat mungkin tidak dapat tercapai dengan cara begini.

Menyentuh perkara tanah-tanah yang tidak diusahakan dan terbiar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, suka saya maklumkan bahawa Kerajaan sedar di atas perkara ini. Setakat ini berbagai langkah sedang dirancang dan dijalankan bagi mendapatkan tanah-tanah tersebut supaya diusahakan dengan sepenuhnya. Di antaranya ialah projek in situ iaitu memperbaiki keadaan kampung-kampung terbiar yang dijalankan oleh FELCRA.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lubok Antu yang memuji rancangan FELDA dan FELCRA di Semenanjung ini sebagai berjaya dengan cemerlang saya ucapkan terima kasih. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat dari Julau pada 5.11.79 bahawa FELDA sedang mengkaji kemungkinan meluaskan kegiatannya ke Sarawak dan bagi FELCRA pula sedang menjayakan beberapa rancangan di dalam Kawasan Keselamatan RASCOM. FELDA hanya dapat mengadakan rancangannya di Sarawak jika ia memperolehi tanah di sana. Dengan adanya kegiatan ejensi FELDA di Sarawak kelak maka dapatlah mereka menampung kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh ejensi-ejensi Kerajaan Negeri sendiri, dengan ini dapatlah menambahkan lagi bilangan rancangan-rancangan kemajuan tanah di negeri itu nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah mencadangkan pelaksanaan reformasi tanah, oleh itu perlu kita bertanya, apakah ertinya reformasi tanah. Adakah ianya bermaksud memberi tanah kepada yang tidak bertanah? Jika ini maksudnya, maka kita ada

FELDA dengan rancangannya yang diteruskan. Adakah ianya bermaksud meluaskan tanah yang kecil? Jika ini maksudnya, kita ada FELCRA dan projek-projek seperti ada FELCRA dan projek-projek seperti projek in situ yang diteruskan. Adakah ianya bermaksud meninggikan pengeluaran bagi tanah-tanah yang ada? Jika ini maksudnya, kita ada Lembaga Pertubuhan Peladang dan RISDA. Adakah ianya bermaksud mengambil alih tanah-tanah estet milik syarikat-syarikat untuk diberi kepada orang ramai? Jika ini maksudnya syarikat-syarikat yang memiliki estet-estet sememangnya dimiliki oleh orang ramai beribu-ribu pemegang-pemegang saham termasuk bumiputra. Ini menguntungkan orang ramai dan pekerja-pekerja. Adakah ianya bermaksud merampas tanah luas orang kaya untuk diberi kepada orang yang tidak bertanah? Jika ini maksudnya, maka ianya tidak perlu, kerana Kerajaan masih mempunyai tanah untuk dibahagi-bahagikan kepada yang memerlukan, dan jumlah orang-orang persendirian yang memiliki tanah seluas yang dimiliki oleh keturunan pahlawan-pahlawan dahulu di Asia Barat dan Benua India tidak terdapat di Malaysia.

Apakah projek-projek Kerajaan yang bersifat revolusiner ini mahu dianggap tidak bereformasi kerana menguntungkan segelintir kecil manusia? Apakah rancangan untuk lebih 50,000 peneroka FELDA yang menguntungkan hampir setengah juta anggota keluarga mereka dianggap kecil? Apakah rancangan untuk lebih 500,000 pekebun-pekebun kecil RISDA yang menguntungkan hampir tiga juta rakyat jelata juga dianggap kecil? Apakah rancangan untuk lebih 8,000 peserta FELCRA yang menguntungkan hampir 40,000 anggota keluarga dianggap kecil? Apakah rancangan-rancangan membangunkan tanah-tanah Wilayah secara berencana yang melibatkan dan menguntungkan berjuta-juta rakyat dianggap kecil? Apakah rancangan-rancangan KESEDAR di Kuantan Selatan yang membawa keadaan revolusiner kehidupan masyarakat dianggap kecil jika dibandingkan dengan tindakan reformatif Kerajaan PAS di Kelantan sewaktu terdapat tanah negeri itu dahulu. Apakah semua kejayaan-kejayaan ini menjadi kecil hanya kerana ada pemborong-pemborong bukan bumiputra yang turut menjadi hartawan? Apakah lebih berfaedah bagi kita menunggu supaya semua tanah diusahakan oleh kontrektor bumiputra.

Tidaklah nanti Ahli Yang Berhormat menamatkan program ini terlalu lambat dilaksanakan. Apakah Ahli Yang Berhormat akan puas jika pemborong-pemborong bumiputra menjadi hartawan? Tidakkah nanti Ahli Yang Berhormat akan mengecam mereka kerana materialisma mereka dan sikap kebendaan mereka sebagaimana semua program ekonomi yang dilancarkan dengan titik peluh beribu-ribu pegawai Kerajaan hanya diketepikan dengan kecaman kebendaan sementara dalam nada lain, Kerajaan juga dikatakan tidak memberi kemewahan kepada rakyat? Apakah kemewahan ini bukan kebendaan namanya. Jika yang kecil kelihatan besar dan yang besar kelihatan kecil, jika yang benar kelihatan salah dan yang salah kelihatan benar, saya yakin Ahli Yang Berhormat akan berjaya sebagai jurucakap yang lantang atau hero PAS. Apakah Kerajaan Barisan Nasional sudah puas hati dengan kejayaan ini? Jawabnya belum. Itulah sebabnya Barisan Nasional perlu terus menang dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Baling yang begitu minat dengan kecergasan-kecergasan di dalam Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Walau bagaimanapun, saya hairan dari mana seorang Wakil Rakyat mendapat hilam sehingga sanggup membuat kecaman yang tidak berasas seperti menyatakan saya mencari kesalahan yang kecil sebagai alasan untuk menyingkir penyokong parti PAS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat apabila seseorang itu didapati bersalah di dalam rancangan FELDA maka proses tindakan disiplin ke atasnya dijalankan melalui saluran-saluran tertentu di bawah pentadbiran Lembaga Pengarah FELDA sendiri. Sehingga hari ini banyak guru-guru agama di dalam FELDA yang terdiri dari penyokong-penyokong PAS yang telah dimasukkan ke dalam FELDA sewaktu Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terdiri dari orang parti PAS, mungkin dari sini datangnya ilham kerana bekas Menteri juga telah menuduh saya dengan ilham yang hampir senada dalam debat ekonomi Universiti Malaya baru-baru ini. Sehingga hari ini belum ada seorang pun yang dipecat dari rancangan FELDA kerana kesalahan yang kecil ataupun kerana ianya dari parti Pembangkang. Jika ada pemecatan dilakukan melalui saluran-saluran yang ditentukan ianya

ialah oleh sebab seperti zina, mencuri atau melanggar peraturan dan janji. Saya tidak tahu sama ada berzina atau mencuri atau cuai menjalankan kerja dianggap tidak bersalah atau kecil. Ahli Yang Berhormat dari Baling, saya juga kurang pasti sama ada mereka yang membuat kesalahan-kesalahan adalah terdiri dari ahli parti PAS. Mungkin Ahli Yang Berhormat bimbang kerana pembukaan UMNO yang begitu banyak dalam rancangan FELDA atas inisiatif peneroka dan tidak dihalang oleh Kementerian. Mungkin Ahli Yang Berhormat bimbang pihak pimpinan Barisan Nasional dalam Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah akan mengamal sikap yang sama dalam hal pengambilan peneroka sebagaimana sikap bekas Menteri dari PAS sewaktu berada di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Saya dikatakan campurtangan secara berlebihan dalam urusan RISDA. Saya yakin campurtangan secara berlebihan di dalam bidang tanggungjawab adalah lebih penting dari campurtangan secara tidak bertanggungjawab dengan membuat kecaman yang melulu. Apa yang dipersoalkan dewasa ini ialah usaha Kementerian untuk membasmi sebarang rasuah yang ada dalam RISDA. Saya tidak tahu sama ada Wakil dari PAS menganggap semua urusan pembasmian rasuah sebagai kerja campurtangan yang berlebihan. Saya berharap ini tidaklah menjadi pendapat umum di dalam negara ini. Saya juga tidak mengerti dari mana datangnya akal sehingga terfikir bahawa pemaju-pemaju masyarakat RISDA yang dianggap tidak menyokong UMNO akan tersingkir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Baling, semua pemaju-pemaju masyarakat RISDA adalah mereka yang sedar atas jasa RISDA kerana berusaha giat untuk menanam semula dan mereka bersama-sama dengan pekebun-pekebun kecil dan pegawai-pegawai RISDA berterima kasih kepada RISDA dan Kementerian kerana bertindak tegas untuk membersihkan RISDA dari sebarang gejala rasuah kerana ini kami mengetahui mereka semua menyokong Barisan Nasional walaupun mungkin pada mulanya mereka terdiri dari orang-orang PAS.

Keaktifan saya di dalam RISDA sekadar menepati janji Barisan Nasional di dalam manifesto pilihanraya untuk mendirikan Kerajaan yang bersih dan amanah Perdana Menteri

di dalam Mesyuarat Agung UMNO semoga jangan pagar makan padi atau semoga jangan rusuk makan hati. Adalah tidak benar bagi Ahli Yang Berhormat menyatakan saya memaki hamun hanya pemimpin-pemimpin UMNO, tetapi saya memaki hamun ke semua orang, sama ada ia pemimpin atau tidak dari parti apa sekalipun jika saya nampak penyelewengan berlaku. Kerja-kerja ini telah saya lakukan di masa lalu dan akan saya teruskan untuk masa-masa yang akan datang. Agak anih pendiran begini dianggap sumbang hanya kerana kita berada di dalam parti yang berlainan. Sebagai manusia, Wakil dari Baling juga tidak maksum.

Saya telah kembali aktif di dalam UMNO sewaktu PAS masuk dalam Barisan Nasional. Tanyalah pada PAS kenapa ia masuk ke dalam Barisan Nasional? Sebab-sebab PAS masuk ke dalam Barisan Nasional adalah menjadi sebab tambahan saya kembali ke pangkuan UMNO tetapi saya tidak mempunyai sebab untuk keluar dari Barisan Nasional kerana PAS terkeluar dari Barisan Nasional bukan kerana isu agama.

Mengenai kekalahan saya merebut dan mempertahankan jawatan Timbalan Pengerusi UMNO di kawasan Jerai yang telah disebutkan, perlulah diketahui bahawa saya telah kalah kerana saya terlalu baik dengan orang-orang PAS. Inilah yang dinamakan berbaik kerana Allah kerana tidak menguntungkan dari segi politik. Dengan adanya kecaman-kecaman dari Ahli Yang Berhormat saya percaya ini akan membantu saya di dalam aktiviti politik, tetapi perkara bertanding, kalah-menang adalah perkara biasa. Tanyalah kepada Presiden PAS, beliau juga mempunyai pengalaman. Adalah tidak perlu bagi Wakil Rakyat dari Baling untuk mengingatkan saya supaya jangan bertindak terhadap orang yang tidak berdosa kerana saya sendiri tidak akan bertindak terhadap beliau kerana dosa membuat fitnah dalam Dewan ini. Saya berharap semoga tuduhan-tuduhan beliau tidak menjadi doa sehingga yang tidak berlaku mungkin berlaku.

Saya memberi nasihat kepada Ahli Yang Berhormat supaya jangan terlalu cepat berkawan dengan musuh sejati dan jangan terlalu cepat bermusuhan dengan kawan sebenar. Dalam usaha menjadi hero PAS berhati-hatilah kerana manusia boleh mengecat atau mengering tempayan dengan apa warna dan

benda sekalipun, tetapi untuk boleh mengecat dan mengisi tempayan itu semestinya tidak pecah.

Ahli Yang Berhormat dari Baling juga menganggap saya sebagai hero UMNO. Sebenarnya UMNO mempunyai berpuluh-puluh orang hero di dalam Dewan ini, apatah lagi hero Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, jika pihak Ahli Yang Berhormat ingin saya menjadi heronya bolehlah beliau menjadi ahli UMNO. Saya berharap beliau juga akan berhasil buat sementara untuk menjadi hero PAS kerana PAS tidak banyak wakil di dalam Dewan ini. Ini adalah satu perubahan besar kepada beliau kerana sewaktu beliau berpolitik secara tidak berparti, beliau dengan lantang mengecam semua yang salah tetapi sekarang ini beliau lantang mengecam hanya yang berlaku di luar PAS, kadang-kadang terkena kepada yang tidak bersalah seperti Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran dan memberi pandangan terhadap Kementerian Pelajaran. Bagi menjawabnya, saya tidaklah bercadang untuk memberikan ulasan satu persatu memadailah jika saya sentuh secara menyeluruh sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling, Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Ahli Yang Berhormat dari Raub telah membangkitkan tentang kenaikan 2% bukan Melayu di kelima-lima universiti tempatan. Jawapan kepada perkara ini telah pun diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran semasa menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 23-10-1979. Soal kenaikan yuran pengajian di United Kingdom telah juga diberi tatkala menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Petaling sendiri pada 11-10-1979. Kerajaan memang sedar tentang kenaikan yuran pengajian ini

dan kini sedang menjalankan usaha-usaha untuk memberi bantuan kepada yang terlibat. Antara usaha-usaha itu ialah:

- (i) Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju memberi peruntukan permulaan sebanyak \$300,000 mulai tahun 1980 ini dengan tujuan memberi kemudahan-kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kesukasan membayar yuran pelajaran mereka. Selain daripada itu, tambahan juga akan dibuat ke atas Kumpulan Wang Kemudahan dan Kebajikan sebagai membantu pelajar-pelajar yang menghadapi soal-soal kecemasan kewangan, tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ada.
- (ii) Menyedari tentang akibat kenaikan yuran-yuran pengajian di luar negeri maka Kerajaan baru-baru ini telah menambahkan kelepasan cukai bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang belajar di luar negeri di peringkat Kolej dan Universiti sebanyak 4 kali ganda berbanding dengan 2 kali ganda yang diberi sebelum ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar mahu kan masa bagi pelajaran agama di sekolah-sekolah ditambah lagi. Kementerian saya telah mengkaji dengan teliti cadangan ini dan mendapati cadangan ini akan melibatkan tambahan masa belajar bagi semua mata pelajaran pada keseluruhannya sedangkan masa belajar bagi sekolah-sekolah pada masa sekarang tidak dapat ditambah lagi terutama bagi sekolah-sekolah yang mempunyai 2 sesi. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji cara yang sesuai mempergiatkan pelajaran agama di sekolah-sekolah melalui kegiatan agama di luar bilik darjah.

Ahli Yang Berhormat itu juga mahukan jawatan-jawatan tinggi dalam pelajaran dipenuhi atau dipegang oleh pakar-pakar dalam bidang pelajaran untuk melicinkan lagi pentadbiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di samping jawatan Pengarah Pelajaran Negeri, di Kementerian Pelajaran terdapat beberapa Bahagian-bahagian tertentu yang diwujudkan bagi melaksanakan dasar Kerajaan dalam bidang pelajaran. Kesemua jawatan Ketua Bahagian ini termasuk Jabatan Pelajaran Negeri adalah diisi oleh pegawai-pegawai kanan dari sektor perkhidmatan

perguruan. Ketua-ketua Bahagian tersebut adalah dipilih berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman mereka yang luas dalam bidang pendidikan dan juga pengkhususan (kepakaran) mereka dalam bidang tertentu seperti penyelidikan dan perancangan pelajaran, pengurusan peperiksaan, ko-kurikulum, naziran, latihan guru dan sebagainya lagi. Suka saya nyatakan di sini bahawa cadangan Yang Berhormat itu telah pun dilaksanakan oleh Kementerian ini sejak dahulu lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah juga menyentuh mengenai Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan di sekolah-sekolah rendah. Beliau seterusnya mencadangkan bantuan ini diberi juga kepada murid-murid darjah IV hingga VI. Suka saya makluman di sini, semenjak penggal persekolahan yang ketiga tahun 1976 Kementerian Pelajaran telah memberi makanan tambahan kepada murid-murid darjah I dan murid-murid yang tertentu dari darjah II hingga ke darjah VI berdasarkan kepada keperluan masing-masing di sekolah-sekolah rendah dalam kawasan Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu juga inginkan supaya bilangan sekolah-sekolah ditambah. Suka saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya menyedari bahawa dengan bertambahnya bilangan kanak-kanak di negara ini maka keperluan kepada sekolah-sekolah juga akan bertambah. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian saya dari masa ke semasa telah dan sedang berusaha bukan sahaja bagi menambahkan bilangan sekolah-sekolah baru tetapi juga bagi menambah bilik-bilik darjah dan bangunan kepada sekolah-sekolah yang sedia ada dalam bentuk projek gantian dan tambahan untuk menampung keperluan tempat belajar bagi kanak-kanak semua kaum.

Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading meminta Kementerian saya menambahkan bilangan sekolah-sekolah menengah di kawasan beliau. Suka saya nyatakan di sini bahawa daerah Bau di mana Mas Gading terletak telahpun mempunyai 2 buah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Lake dengan jumlah murid-murid seramai 2,872 orang. Pada tahun 1977 projek tambahan 9 bilik darjah dan rancangan-rancangan kemudahan dengan harga \$882,000

telah siap di Sekolah Menengah Kebangsaan Bau. Ini telah menambahkan tiga ratus enam puluh lebih tempat murid-murid.

Sebuah sekolah menengah separuh asrama yang telah dijadualkan untuk pembinaannya pada awal tahun 1980 di Muara Tuang kira-kira 25 batu dari Bau dengan jalanraya, dijangka akan mengwujudkan tujuh ratus dua puluh lebih tempat untuk murid-murid. Dengan siapnya sekolah tersebut maka ini akan mengurangkan kesesakan tempat di kedua-dua sekolah menengah yang disebutkan awal tadi.

Sebanyak 4 buah sekolah menengah separuh asrama telahpun diluluskan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu di Siburan, Padawan, Baki dan di Semantan. Walau pun sekolah-sekolah ini bukan di daerah Bau, sekolah ini boleh dihubungi melalui jalanraya dari Bau. Sekolah-sekolah ini dijangka akan disiapkan pada awal Rancangan Malaysia Keempat. Ini akan menghasilkan 2,740 tempat, dan dapat menampung keperluan tempat belajar bagi kawasan Mas Gading. Perlu saya nyatakan di sini bahawa kedudukan sekolah-sekolah ini tidaklah berkebetulan dengan kawasan pilihanraya.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya Kementerian saya mengenakan kawalan ketat ke atas disiplin pelajar-pelajar di dalam sekolah-sekolah co-education. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya dari masa ke semasa mengeluarkan beberapa siaran dan surat pekeliling berhubung dengan disiplin di sekolah-sekolah. Surat-surat pekeliling ini memberi garis panduan berhubung dengan disiplin di sekolah-sekolah. Di samping itu tiap-tiap sekolah juga mengadakan peraturan-peraturan sekolah untuk menjaga disiplin. Sekolah-sekolah juga mempunyai Lembaga Tatatertib untuk murid-murid. Semasa murid-murid berada di dalam kawasan sekolah, mereka adalah tertakluk pada Peraturan-peraturan dan undang-undang tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya ditambah bilangan waden sekolah-sekolah untuk menjaga pelajar-pelajar yang tinggal di asrama. Pada masa sekarang Kementerian saya telah mengadakan guru-guru

asrama atau waden untuk menjaga pelajar-pelajar yang tinggal di asrama-asrama sekolah berdasarkan bilangan penghuni asrama berkenaan seperti berikut:

<i>Bilangan Guru Asrama</i>	<i>Bilangan Penghuni Asrama</i>
1	kurang 50
1	50 hingga 150
2	151 hingga 250
3	251 hingga 350
4	351 hingga 450
5	451 hingga 550
6	551 hingga 650
7	651 hingga 750
8	751 hingga 850
9	851 hingga 950
10	951 ke atas

Kementerian saya berpendapat bilangan guru asrama yang diuntukkan adalah mencukupi untuk mengawal asrama dan tidak perlu ditambah buat masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading juga meminta supaya dipergiatkan usaha memberi pendidikan basic kepada pelajar-pelajar sekolah rendah supaya mereka dapat mengikuti pelajaran dalam sekolah menengah dengan lebih sempurna. Sebagai menjawab cadangan tersebut, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa murid-murid di sekolah-sekolah rendah kebangsaan sememangnya mendapat pendidikan asas berdasarkan sukatan pelajaran yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran yang bertujuan supaya murid-murid itu kelak dapat menyambung pelajaran di sekolah-sekolah menengah. Untuk murid-murid yang lemah dalam matapelajaran oleh kerana sesuatu sebab, Kementerian saya telah mengadakan Rancangan Pendidikan Pemulihan yang bertujuan membantu murid-murid ini. Rancangan Pendidikan Pemulihan ini akan di perkuatkan meliputi semua sekolah-sekolah rendah.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya "simple farm economics" dipelajari oleh murid Tingkatan I hingga V. Perlu saya tegaskan di sini bahawa "simple farm economics" memang sudah diajar di sekolah-sekolah dari Tingkatan I hingga V di bawah matapelajaran praktikal iaitu matapelajaran perdagangan dan sains pertanian. Dalam matapelajaran perdagangan, murid-murid

mempelajari simpan kira-kira umpamanya, keuntungan dan kerugian dan juga aktiviti-aktiviti perdagangan harian seperti pembelian dan penjualan barang-barang. Dalam sains pertanian pula murid-murid mempelajari cara bertanam sayur-sayuran, memelihara ayam untuk daging serta telur dan juga aspek perniagaan bertani.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas mencadangkan supaya tulisan Jawi diajar mulai dari darjah I lagi dan matapelajaran Sastera dan Pengetahuan Ugama Islam diajar dalam tulisan Jawi sebab ianya merupakan sebahagian daripada kebudayaan Melayu. Kementerian saya memikirkan bahawa adalah terlalu awal untuk mengajar tulisan Jawi kepada murid-murid darjah I. Perlu saya nyatakan di sini bahawa setakat ini tidak ada apa-apa arahan dibuat supaya mata-mata-pelajaran Sastera dan Pengetahuan Ugama Islam diajar dalam tulisan Jawi. Walau bagaimanapun, guru-guru boleh membuat pilihan sama ada untuk mengajar dalam tulisan jawi atau tulisan Rumi. Begitu juga murid-murid dibenarkan membuat pilihan menjawab soalan-soalan pelajaran di dalam tulisan Jawi atau Rumi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menggesa Kementerian saya supaya memberi jaminan agar Sekolah Rendah Cina tidak dijadikan Sekolah Kebangsaan. Bagi menjawab perkara ini iaitu memberi jaminan agar Sekolah Rendah Cina tidak dijadikan Sekolah Kebangsaan sukalah saya mengingatkan bahawa perkara ini tidaklah berbangkit kerana kedudukannya jelas dalam Akta Pelajaran kita. Dan juga dalam laporan Jawatan-kuasa Kabinet yang akan dikemukakan nanti kedudukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina didapati lebih jelas dan lebih kukuh lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyatakan bahawa sistem pengambilan masuk ke institusi-institusi pelajaran tinggi tidak menambah bilangan pelajar-pelajar bukan bumiputra. Seperti mana yang pernah Yang Berhormat Menteri Pelajaran terangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa jika dibandingkan kemasukan pelajar-pelajar bukan bumiputra bagi sesi 78/79 iaitu seramai 1,551 dengan kemasukan pelajar-pelajar bukan bumiputra bagi sesi 79/80 iaitu seramai 1,881 maka terdapat kenaikan 330 atau 21.3%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi perancangan Malaysia yang keempat ini Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan sebuah universiti lagi untuk menjadikan bilangan 6 buah semuanya dan dengan itu boleh menambah bilangan pelajar-pelajar yang lebih diambil masuk. Perkara ini telahpun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan telah dipetik sebagai "gazing through the crystal horizon" oleh akhbar tempatan di dalam tanahair kita baru-baru ini. Saya memang sedar bahawa bilangan pelajar yang berkecayaan semakin bertambah dari setahun ke setahun dan ini telah pun menimbulkan persaingan hebat untuk masuk ke institusi-institusi pelajaran tinggi. Namun begitu kita mesti berhati-hati dalam merancang untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi yang baru supaya pengeluaran siswazah kita dapat diselaraskan dengan keperluan-keperluan negara kita.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyeru supaya Kementerian saya mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk mendidik pelajar-pelajar dalam bidang teknik dan Vokasional. Ini ternyata dengan adanya rancangan Kerajaan untuk membina buah sekolah menengah Vokasional dan 5 buah politeknik lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga menyentuh mengenai pelajaran teknik dan vokasional dengan menekankan supaya lebih ramai pelajar diberi biasiswa dan dermasiswa untuk mengikuti kursus di dalam bidang berkaitan. Suka saya nyatakan di sini bahawa lebih ramai pelajar-pelajar Melayu di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional yang menerima biasiswa Kerajaan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar di sekolah akademik. Ini adalah kerana selain daripada menerima Biasiswa Kecil Persekutuan di Tingkatan I, II atau III, terdapat juga pelajar-pelajar yang menerima biasiswa teknik dan vokasional di sekolah-sekolah tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh mengenai pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom atau di mana-mana tempat di luar negeri yang terlibat dalam gerakan anti-nasional atau menentang dasar-dasar Kerajaan. Kerajaan memanglah mengambil berat tentang kegiatan yang tidak diinginkan seperti yang dinyatakan itu. Oleh itu jika terdapat bukti-bukti yang nyata maka tindakan boleh

diambil untuk menarik balik biasiswa pelajar-pelajar kita yang terlibat dalam sebarang gerakan anti-nasional baik di dalam atau di luar negeri. Ini adalah kerana pelajar-pelajar yang terlibat dalam gerakan seperti ini telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian mereka dengan pihak yang memberi biasiswa sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Kerajaan tidak boleh mengambil sebarang tindakan mahkamah ke atas pelajar-pelajar, (persendirian atau dianjurkan oleh Kerajaan) yang memburuk-burukkan serta mencaci Kerajaan semasa mereka menuntut di luar negeri, melainkan sekiranya aktiviti-aktiviti mereka didapati benar-benar menyalahi undang-undang berkenaan dengan keselamatan negara. Dalam hal demikian pun, tindakan hanya boleh diambil apabila mereka balik ke tanahair.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah menyentuh mengenai suasana pentadbiran peringkat negeri yang dikatakan agak lemah. Kementerian sedar memang ada beberapa kelemahan-kelemahan di segi pentadbiran peringkat negeri. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran setahun dua ini telahpun mengambil beberapa langkah-langkah yang tegas sebagai membantu jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dari segi pentadbiran. Langkah-langkah yang dimaksudkan ini termasuk menambah tenaga keranian, kerani rendah dan jurutengkas; memperkemaskan skim pinjaman buku teks, ke sekolah-sekolah, menubuhkan MESTI (Ministry of Education Staff Training Institute) untuk memberi latihan kecekapan pentadbiran kepada Kakitangan Kementerian Pelajaran dan memperkemaskan lagi pentadbiran pencen.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran juga akan sentiasa mengkaji kelemahan-kelemahan yang lain dari masa ke semasa untuk mengatasinya.

Beliau juga menyentuh mengenai kenaikan pangkat Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran. Sayugia dimaklumkan bahawa peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan sekarang adalah lebih baik. Kelambatan kenaikan pangkat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pada masa-masa yang lampau tidaklah berbangkit

kerana Perkhidmatan Perguruan sebelum Laporan Suruhanjaya Gaji Aziz mempunyai lebih kurang 100 Sekim Perkhidmatan yang berlainan. Oleh yang demikian tidaklah adil menyamakan kedudukan kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Pelajaran dengan perkhidmatan yang lain itu.

Kenaikan pangkat bukanlah satu hal yang juga boleh dituntut oleh semua pegawai-pegawai dalam apa juga perkhidmatan sekali pun. Kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada faktor-faktor seperti adanya jawatan-jawatan kosong, kelayakan dan kesesuaian seseorang pegawai itu sebagaimana yang diperakukan oleh Ketua Jabatannya dari segi kebolehan serta kecekapan. Adalah tidak مناسب bagi menaikkan pangkat kepada semua orang yang berada dalam Perkhidmatan Pelajaran walau pun mereka itu guru-guru siswazah. Dengan bertambah jawatan-jawatan naik pangkat dalam Perkhidmatan Pelajaran pada masa ini, maka peluang bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran ternyata lebih baik daripada masa-masa yang lampau.

Suka juga saya nyatakan di sini bahawa sekolah-sekolah di kawasan luar bandar bukanlah dianggap sebagai "training ground" sahaja bagi guru-guru siswazah. Jika sekiranya mereka bertukar selepas berkhidmat beberapa tahun itu adalah atas sebab-sebab yang biasa seperti naik pangkat, pertukaran kerana mengikut suami dan lain-lain. Pertukaran seperti ini juga berlaku di sekolah-sekolah dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya berikan jawapan ke atas perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya sangat menghargai minat dan juga pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan dengan kerjasama yang erat untuk mendapat persefahaman dan kerjasama antara Kementerian Pelajaran dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yakin tentulah kita akan mencapai tujuan-tujuan untuk menyempurnakan sistem pelajaran kita supaya anak-anak kita boleh menerima faedah atas sistem pelajaran kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

5.51 ptg.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian yang mendalam kepada Kementerian saya dan juga Angkatan Tentera di dalam ucapan-ucapan mereka sewaktu membahaskan dasar Belanjawan bagi tahun 1980. Ini pada hemat saya menunjukkan bahawa soal pertahanan telah menjadi satu perkara yang membangkitkan minat rakyat jelata kerana kesedaran mereka bahawa keutuhan serta kedaulatan negara kita tidaklah hanya diserahkan kepada kebijaksanaan Angkatan Tentera semata-mata. Petanda ini adalah baik kerana sesungguhnya soal keselamatan negara adalah soal yang membabitkan seluruh rakyat.

Di dalam perbahasan am Belanjawan yang baru sahaja selesai beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya di sini ingin mengambil peluang untuk memberi penjelasan berkaitan dengan beberapa perkara itu. Malangnya dalam masa yang singkat saya tidaklah boleh menjawab satu persatu kepada semua perkara-perkara ini.

Yang Berhormat dari Ulu Langat telah menyentuh beberapa aspek pertahanan yang agak penting. Di antaranya ialah cadangan beliau supaya diadakan operasi bersama tentera laut di antara negara-negara ASEAN untuk menjaga keamanan rantau ini. Untuk makluman Yang Berhormat ASEAN bukanlah satu pakatan tentera dan oleh yang demikian soal operasi bersama tentera laut sebagai juga operasi bersama angkatan tentera darat adalah satu perkara yang tidak boleh dilakukan di bawah perjanjian pakatan ASEAN kerana ini akan melanggar tujuan asas ASEAN dan mungkin membawa implikasi-implikasi yang tidak diinginkan. Satu daripadanya ialah anggapan oleh negara-negara jiran yang bukan dalam ASEAN. Walau bagaimanapun di antara negara-negara dalam rantau ASEAN ini telah ada sedia persetujuan dua hala iaitu antara Malaysia dan Thailand dan Malaysia dan Indonesia, di mana operasi-operasi bersama setiap perkhidmatan tentera telah dilakukan untuk keamanan di daerah perbatasan bersama. Di samping itu Malaysia juga ada kerjasama dengan Singapura dalam sistem pertahanan udara yang disatukan di bawah

naungan Persatuan Pertahanan Lima Negara. Pada pertimbangan Kerajaan kerjasama-kerjasama yang ada sekarang ini adalah memadai.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kita menambah peluru-peluru berpandu, adalah dimaklumkan bahawa pada peringkat ini tentera laut kita khasnya telah-pun mempunyai peluru-peluru berpandu dan dengan ketibaan 4 buah kapal penyerang Spica-M baru-baru ini soal penambahan itu terbukti telah dijalankan dan saya rasa Ahli Yang Berhormat bolehlah dapat rasa pasti bahawa soal penambahan ini akan terus kita kaji dan laksanakan daripada satu masa ke satu masa. Ingin saya menyatakan di sini soal peluru berpandu bukanlah sangat relevant dalam semua sistem defence kita, hanya relevant dalam beberapa bidang sahaja dan dalam bidang ini perancangan sedang dijalankan.

Tentang pengambilan dan penambahan sukarelawan pula, adalah dinyatakan bahawa ini memang sentiasa dilakukan di dalam Asykar Wataniah kita, di mana perkhidmatan sepenuh masa selepas sambilan adalah digalakkan. Saya harap lebih ramai lagi rakyat akan tampil ke hadapan secara sukarela untuk berkhidmat dalam Asykar Wataniah kita. Dalam negara seperti Malaysia ini memanglah menjadi perlu bagi kita menggalakkan penubuhan pergerakan seperti Asykar Wataniah sehingga lebih besar daripada bilangan angkatan tentera biasa kita. Di samping cara-cara pengambilan yang telah kita lakukan beberapa tahun yang lepas baru-baru ini kita telah mempunyai satu skim untuk membuat yunit-yunit pegawai rezab di beberapa institusi pelajaran tinggi.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya angkatan tentera terutamanya di utara Semenanjung dilengkapi dengan senjata moden, ingin saya sebutkan di sini bahawa angkatan tentera kita seluruhnya adalah menggunakan senjata yang moden dan setanding dengan senjata-senjata yang dipunyai oleh negara-negara di Asia ini ataupun negara-negara yang sedang membangun di tempat-tempat lain. Walau bagaimanapun soal melengkapi angkatan tentera kita dengan senjata moden yang telah juga dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kangar adalah satu perkara yang sentiasa dikaji oleh Kementerian saya dan pengkajian ini adalah

berdasarkan kepada asas tertentu seperti jenis teknologi kesesuaian termasuk soal penggunaan kelengkapan itu dalam iklim kita, jenis ancaman dan juga soal kemampuan kewangan negara pada satu-satu ketika. Ingin saya menyatakan sekarang ini dalam keadaan ekonomi Malaysia yang sangat baik soal kewangan tidak menjadi halangan yang serious sekali. Dengan perkataan lain, proses mem-perkemaskinikan tentera kita dengan kelengkapan yang moden adalah perkara yang dijalankan dari masa ke semasa dan mengikut peraturan-peraturan Kerajaan supaya penyelewengan tidak berlaku seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kangar dan Gerik supaya gaji angkatan tentera dikaji semula dan memberi faedah kepada anak dan keluarga mereka, adalah dimaklumkan bahawa angkatan tentera bersama-sama dengan kakitangan awam Kerajaan yang lain baru sahaja menerima kenaikan gaji yang menghitung segala ke-ganjilan profession mereka dan di dalam hal ini keluarga mereka juga telah mendapat faedahnya di samping faedah-faedah biasa yang diterima oleh rakyat. Oleh demikian adalah pendapat Kerajaan bahawa soal pengkajian semula gaji dan faedah tidaklah berbangkit pada peringkat ini.

Yang Berhormat dari Batang Lupar pula telah mencadangkan supaya Kerajaan mendirikan kilang-kilang senjata bagi negara ini supaya negara kita tidak bergantung kepada negara-negara luar. Untuk makluman Yang Berhormat pada prinsip cadangan mendirikan kilang senjata bagi negara ini memanglah baik dan Kerajaan sendiri memanglah memberi perhatian yang berat terhadap soal ini. Kita juga setuju bahawa soal self-reliance iaitu tidak terpaksa bergantung kepada negara lain adalah prinsip yang baik. Hanya yang menjadi soal berat bagi kita ialah bagaimana hendak melaksanakannya dan berapa jauh kita dapat melaksanakannya.

Kerajaan sekarang ini telahpun menubuhkan Jawatankuasa Pengeluaran Pertahanan di Kementerian. Di antara tugas-tugas Jawatankuasa ini ialah mengkaji kemungkinan penubuhan perusahaan pertahanan, terutamanya pengeluaran senjata-senjata kecil dan ringan dan yang diperlukan oleh Angkatan Tentera kita. Ini juga termasuk peluru dan barang-barang lain yang menjadi high consumption

items. Walau bagaimanapun soal pembinaan kilang senjata sendiri ini memerlukan kajian yang menyeluruh dan mendalam yang melibatkan pertimbangan seperti tingkat kemahiran teknologi, tenaga kerja dan bahan-bahan mentah dan sesuatu projek itu memerlukan masa yang lama sebelum ianya menjadi kenyataan.

Buat permulaan Kerajaan telahpun mendirikan sebuah kilang peluru untuk membekalkan sebahagian daripada peluru-peluru keperluan Angkatan Tentera kita. Setakat ini kilang kita mengeluarkan peluru-peluru jenis 5.56mm. dan 7.62mm. Kilang ini akan kita perbesarkan tidak lama lagi. Item-item lain yang menjadi high consumption items sedang kita timbngkan sekarang ini untuk menjadi pilihan bagi kita mengasaskan perkilangan tempatan.

Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan soal keselamatan di perairan Sabah dan telah mencadangkan supaya kawalan di situ diketatkan lagi. Ini telahpun dilakukan oleh pihak Polis dan TLDM kita dan bukti kesan daripada usaha memperhebatkan kawalan ini bolehlah terbukti daripada bilangan peristiwa yang berlaku pada tahun ini dengan dibandingkan pada tahun lepas iaitu tahun ini hanya 6 dan tahun lepas 14 incidents perlanunan.

Berhubung dengan cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas supaya satu batalion ditempatkan di Lenggong, ingin saya memaklumkan bahawa berdasarkan konsep formasi Angkatan Tentera sekarang ini adalah tidak perlu kerana kita mempunyai batalion-batalion yang bergerak yang boleh dihantar ke mana-mana tempat di dalam masa darurat. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum kita sudah ada beberapa batalion yang ditempatkan di Perak.

Tentang cadangan Yang Berhormat supaya yunit-yunit tentera dilengkapi dengan kereta-kereta perisai khasnya tank untuk kemudahan dan keselamatan waktu beroperasi, ini juga pada pendapat Kementerian saya tidak terpaksa kita buat secara besar-besaran. Kereta-kereta perisai mempunyai fungsi dan kemampuan terhad iaitu hanya di kawasan-kawasan yang telah membangun (built-up area) dan di pinggir-pinggiran hutan. Oleh kerana Angkatan Tentera kita pada sekarang

ini beroperasi di tengah-tengah hutan belantara tentu sekali kereta-kereta perisai terutama sekali tank tidak boleh digunakan. Walau bagaimanapun bolehlah saya menyatakan di sini soal armoured corps sedang dikaji dengan menyeluruh dan kita sedang menyusun apa bentuk kelengkapan yang patut kita gunakan bagi satu-satu tugas di satu-satu tempat jika keadaan memaksa.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah juga menyentuh soal cuti bagi Angkatan Tentera dengan Askar Wataniah yang telah dikerah. Kakitangan Kerajaan, Angkatan Tentera dan Askar Wataniah yang dikerah adalah mendapat cuti tahunan yang berjumlah 30 hari satu tahun. Di samping itu mereka juga boleh diberi cuti ehsan oleh Pegawai Pemerintah mereka hingga ke maksimum 28 hari jika ada hal-hal peribadi yang mustahak ataupun ada kecemasan. Oleh yang demikian pada pandangan Kementerian saya peraturan-peraturan ini adalah mencukupi dan tidak perlu dikaji semula.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat dari Bandau dan Semerah telah mencadangkan supaya Angkatan Tentera diperkuatkan lagi memandangkan perkembangan-perkembangan di rantau Asia Tenggara ini. Kerajaan memang sedar akan hal ini dan di dalam perbincangan perbelanjaan tahun 1980 di peringkat Jawatankuasa nanti saya akan mengambil peluang untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya fikir dapat dihuraikan pada peringkat ini dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Timbalan Menteri Kesihatan.

6.06 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980.

Sukacita saya memaklumkan bahawa semua teguran-teguran yang membina adalah dalam perhatian Kementerian ini dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk memperbaiki serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian yang dibekalkan dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya Kementerian Kesihatan mengadakan seorang pakar khas untuk penyakit jantung, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian ini mempunyai Pakar Perunding Penyakit Jantung (Cardiologist) di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Tambahan pula kebanyakan Pakar Kanan Perubatan di Kementerian ini juga mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang rawatan penyakit jantung (Medical Cardiac Problems). Apabila perlu, kes-kes penyakit jantung hendaklah dirujuk kepada Pakar Perunding Penyakit Jantung, Hospital Besar Kuala Lumpur.

Pada kebiasaannya kes-kes penyakit jantung yang memerlukan pembedahan jantung terbuka (open-heart surgery) dan kes-kes yang complicated yang perlu dirawat di luar negeri. Kes-kes jantung berlubang dan juga kes-kes yang boleh dirawat di sini adalah dibedah dan dirawat di hospital tempatan seperti di Pusat Cardiac, University Hospital di mana kita mempunyai pakar bedah jantung dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan, di mana juga beberapa pembedahan telah dijalankan dengan penuh kejayaan.

Walau bagaimanapun disebabkan oleh kemudahan-kemudahan yang terhad maka tidaklah Pusat ini terdaya memenuhi keperluan negara ini dengan sepenuhnya iaitu bebankerja dan demand kepada Pusat ini adalah lebih daripada kapasitasnya. Oleh itu terpaksa kes-kes yang susah ataupun "complicated" yang memerlukan rawatan highly specialised" dirujuk ke luar negeri.

Memandangkan kepada keadaan ini pihak Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan bagi mengkaji dan merancang untuk menubuhkan Pusat Cardio Thoracic yang kedua di negara ini. Ahli-ahlinya terdiri dari pakar-pakar dan mereka yang mempunyai pengetahuan dan "expertise" dalam bidang masalah penyakit jantung.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum bahawa rawatan penyakit jantung terutama sekali pembedahan merupakan satu pembedahan atau rawatan yang sukar (complicated) yang sudah tentu Pusat Rawatan dan Pembedahan Jantung menjadi satu pusat yang sangat "sophisticated" yang memerlukan kemudahan fizikal yang benar-benar mencukupi dan sesuai dan alat-alat kelengkapan yang istimewa. Selain daripada itu ianya mesti juga mempunyai kakitangan-kakitangan perubatan dan pra-perubatan yang terlatih dan berpengalaman istimewa bagi rawatan penyakit jantung. Ini bermakna dari pakar bedah hingga kepada para techniciannya mestilah menjalani satu latihan yang cukup dalam bidang penyakit jantung. Begitulah keadaannya maka semua aspek dalam mendirikan sebuah Pusat Cardio Thoracic mestilah dirancang dengan rapi dan teliti kerana pusat seperti ini tidak akan dapat berjalan dengan licin dan cekap jika sekiranya satu aspek daripada kemudahan ini ketinggalan. Oleh itu memang ada rancangan Kementerian Kesihatan untuk menghantar para doktor kita berlatih dalam bidang pembedahan jantung, dalam bidang penyakit jantung (cardiology) dan juga para techniciannya dan adalah diharapkan dengan adanya kemudahan-kemudahan ini kelak maka dapatlah kita merawat pesakit-pesakit jantung ini di hospital tempatan selain daripada apa yang sedang diberi oleh Pusat Cardiac di Universiti Hospital.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kangar bahawa 80-90% dari orang yang mengidap penyakit jantung ini terdiri daripada orang-orang yang berpendapatan rendah. Setakat yang saya tahu tidak ada kaitan sama sekali penyakit jantung atau jantung berlubang dengan pendapatan seseorang itu. Mungkin apa yang berlaku ialah bahawa kes-kes yang berpenyakit jantung yang terdiri daripada orang-orang yang berpendapatan rendah yang telah dihebahkan dalam akhbar dengan tujuan menarik simpati orang ramai untuk mendapatkan derma untuk menjalankan rawatan penyakit jantung.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pihak Kerajaan mengadakan satu yayasan khas untuk membiayai perbelanjaan pesakit-pesakit jantung untuk dirawat di luar negeri saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas cadangan yang ikhlas ini dan saya yakin bahawa cadangan ini

adalah bertujuan baik dan semata-mata untuk menolong mereka yang memerlukan pertolongan. Tetapi setakat ini belum ada cadangan untuk menubuhkan yayasan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan dependantnya perbelanjaan seperti ini adalah dibiayai oleh pihak Kerajaan. Begitu juga bagi pihak orang ramai ada di kalangan mereka perbelanjaannya telah dibiayai oleh pertubuhan-pertubuhan tertentu dan bantuan daripada pihak orang ramai. Perlu dinyatakan di sini bahawa sebagai sebuah negara yang membangun "resources" kita sama ada dari segi kewangan mahupun expertisanya dan kemudahan fizikal adalah terhad. Oleh itu, pihak Kementerian Kesihatan mestilah menentukan dan memberi "priority" dalam melaksanakan dasarnya kepada penyakit-penyakit yang lebih mudarat dan akan memberi kesan yang lebih buruk terhadap kesihatan rakyat pada keseluruhannya.

Mengenai masalah kekurangan doktor-doktor pula kekurangan ini bukan sahaja dihadapi oleh negeri Perlis bahkan juga di seluruh negara kita. Sebenarnya kedudukan doktor di Perlis adalah tidak begitu mendesak. Walau bagaimanapun sebagaimana yang saya telah memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kesihatan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah positif untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor ini. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil ialah untuk menggalakkan lebih ramai doktor-doktor kita terus tetap berkhidmat dengan Kerajaan dan juga sebagai langkah sementara melantik doktor-doktor dari negara-negara lain secara kontrak. Selain dari itu rancangan sedang dijalankan bagi menubuh Fakulti Perubatan ketiga dan juga Universiti Malaya dan juga Universiti Kebangsaan bercadang hendak menambahkan pengambilan penuntut-penuntut dalam Fakulti Perubatan masing-masing. Dengan adanya rancangan ini bilangan doktor-doktor tempatan akan bertambah dan adalah diharapkan ianya akan dapat menampung keperluan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga menyentuh tentang denda sebanyak \$10 yang dikatakan dikenakan ke atas sipesakit yang mulanya berjumpa doktor swasta dan kemudiannya dirujuk kepada hospital Kerajaan. Sukalah saya memaklumkan bahawa tidak ada peraturan atau undang-undang yang ujud yang mengenakan denda sebagaimana

yang disebutkan itu dan saya akan berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberi tahu saya ataupun pihak Kementerian tentang kes-kes yang tertentu supaya Kementerian ini dapat menyiasat perkara ini dengan lebih lanjut dan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya alat-alat moden diadakan bagi mencegah bau busuk yang dialami semasa mayat menunggu peperiksaan yang mana katanya menunggu dua tiga hari. Seperti mana saya ketahui bahawa tiap-tiap hospital ada mempunyai satu mortuary ataupun rumah mayat di mana kita ada mempunyai peti sejuk (freezer) di sinilah mayat-mayat ini disimpan supaya ianya jangan menjadi buruk atau busuk.

Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading telah menimbulkan masalah pembinaan klinik-klinik dan hospital-hospital di merata tempat di seluruh negara dan beliau telah mendesak supaya Kerajaan menepati janji dengan segera. Sukacitalah saya maklumkan bahawa semua projek pembinaan klinik-klinik dan hospital-hospital yang telah diluluskan oleh Kerajaan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, Akan tetapi seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum tidaklah dapat ianya dilaksanakan dengan sekelip mata. Ianya mesti mengambil masa dan memanglah menjadi hasrat Kementerian ini melaksanakan projek-projek ini dengan segeranya. Tetapi oleh kerana perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan maka kadangkala ianya terlewat sedikit.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya syarat-syarat ketat dikenakan ke atas pelatih-pelatih pra-perubatan untuk berkhidmat di kawasan luar bandar atau kawasan-kawasan di pendalaman. Cadangan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya memang sudah dilaksanakan selama ini iaitu mereka yang bersetuju menjalani latihan sebagai praperubatan iaitu Jururawat, Pembantu Hospital, Juru Teknik Makmal dan lain-lain lagi mestilah berkhidmat di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan ini termasuklah di kawasan-kawasan luar bandar. Syarat ini bukan sahaja terhad kepada medical auxiliaries bahkan juga kepada doktor-doktor kita

di mana mereka mesti menjalani satu masa untuk berkhidmat di kawasan luar bandar. Dalam hubungan ini kita memberi keutamaan iaitu dalam mengambil para auxiliaries kita memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang datang dari luar bandar dengan tujuan supaya mereka selepas latihan nanti akan dapat balik berkhidmat di kalangan masyarakat mereka di luar bandar.

Berkaitan dengan kekurangan pakar-pakar perubatan di negeri Sarawak sukalah saya maklumkan bahawa negeri tersebut mempunyai 27 jawatan untuk pakar-pakar dalam 12 bidang kepakaran atau disiplin dan 21 jawatan di antaranya telah diisi dan 6 jawatan lagi akan diisi apabila pakar-pakar yang sesuai diperolehi. Mengenai gaji yang dibayar kepada doktor-doktor dan pakar-pakar pula suka saya menyatakan di sini bahawa satu jawatan-kuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan sedang menyediakan cadangan-cadangan bagi mengaturkan semula jawatan-jawatan perubatan untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading juga telah menyeru supaya pihak Kerajaan memberi keutamaan pada pembinaan klinik-klinik desa kerana ini merupakan katanya "first line of defence" dan juga menambahkan lagi para-medic untuk dilatih. Suka saya menyatakan di sini terutama sekali bagi negeri Sarawak setakat ini bilangan klinik desa bertambah begitu banyak dan banyak lagi akan dibangun bahkan adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan supaya memberi keutamaan kepada perkhidmatan perubatan dan kesihatan di luar bandar. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah menyatakan penghargaannya atas tindakan Kementerian ini membekalkan bekalan air kepada masyarakat di luar bandar. Ini memanglah merupakan satu projek yang utama yang diberikan oleh Kementerian ini kerana kita tahu bahawa projek ini iaitu perbekalan air untuk masyarakat luar bandar dan bekalan jamban-jamban adalah merupakan projek yang sangat penting bagi mengurangkan penyakit-penyakit khususnya penyakit cirit-birit. Di kawasan-kawasan di mana kita belum lagi dapat meletakkan klinik-klinik yang tetap maka di kawasan-kawasan seperti ini perkhidmatan perubatan dan kesihatan diselenggarakan dengan menggunakan helikopter iaitu "flying doctor service".

Ahli Yang Berhormat dari Sibü telah mengemukakan beberapa perkara di antara lain ialah pembinaan hospital baru. Sukalah saya maklumkan bahawa Kementerian ini mempunyai satu rancangan untuk membina sebuah hospital besar di Bandar Sibü dalam Rancangan Malaysia Keempat. Sebenarnya tindakan telah diambil untuk mendapatkan sebidang tanah untuk projek tersebut dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam hubungan ini, sukalah saya meminta kerjasama Ahli Yang Berhormat supaya menggunakan "good offices"-nya untuk meminta Kerajaan Sarawak mempercepatkan pemberian tanah ini.

Sambil itu tindakan juga diambil untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang berkurangan di hospital yang ada sekarang. Misalnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga tindakan telah diambil untuk membina satu wad rawatan rapi (intensive care unit) dan memperbaiki wad-wad kanak-kanak di bahagian tempat bersalin dan juga memperbesarkan dapur dan kawasan dobi. Tindakan seperti ini sentiasa diambil dari masa ke semasa sambil menunggu pembinaan hospital yang besar dengan kemudahan-kemudahan yang lebih lengkap lagi.

Selain dari itu memang ada rancangan Kementerian Kesihatan, mungkin pada tahun yang akan datang, mendirikan sebuah district hospital di Kanowit dan dengan adanya hospital ini nanti maka kesesakan yang dialami oleh hospital Sibü akan berkurangan kerana pada masa ini Hospital Sibü bukan sahaja menampung keperluan penduduk-penduduk di tempat itu tetapi juga menampung keperluan pesakit-pesakit daripada Bahagian-bahagian Ketiga, Keenam dan Ketujuh.

Selain dari itu untuk menampung keperluan Jabatan Pesakit Luar adalah dicadangkan sebuah poliklinik ataupun pusat kesihatan akan dibina di bandar Sibü dan tindakan telah diambil untuk mendapatkan sebidang tanah bagi projek yang tersebut.

Berkaitan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Bandau, suka saya memberitahu bahawa peruntukan yang disediakan bagi perkhidmatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan adalah mencukupi bagi masa yang tertentu. Walau bagaimanapun kekurangan dan peruntukan tambahan adalah diberi

apabila diperlukan. Usaha-usaha sentiasa dibuat untuk mengatasi kekurangan kakitangan perubatan dan kemudahan-kemudahan latihan telah diadakan dan diperbaiki lagi bagi mengatasi kekurangan kakitangan pra-perubatan.

Mengenai kekurangan doktor di negeri Sabah, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian yang berat mengenai kekurangan ini bukan sahaja untuk negeri Sabah bahkan untuk negeri-negeri lain juga dan sentiasa berusaha mencari jalan bagi menambahkan bilangan para doktor di negeri itu. Baru-baru ini pihak Kementerian Kesihatan, kalau tidak salah saya, dalam bulan Jun dan September telah menghantar sembilan orang doktor ke negeri Sabah termasuk beberapa orang pakar. Kekurangan doktor-doktor akan diperbaiki dari masa semasa dan Kementerian ini juga sentiasa mengusahakan supaya kekurangan kakitangan pada keseluruhannya akan dapat datasi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian.

6.24 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pertanian tatkala membahaskan dasar Belanjawan 1980 di Dewan yang mulia ini. Segala teguran-teguran dan cadangan yang diberikan itu akan diambil perhatian dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan skim subsidi baja yang banyak dipersoalkan di dalam perbahasan ini. Kementerian saya melalui Jabatan-jabatan yang berkenaan sedang berusaha dan mengawasi agar penyelewengan tidak berlaku. Setakat ini Kementerian saya tidak menerima apa-apa laporan mengenai penyelewengan dalam pemberian subsidi ini. Sekiranya perkara ini berlaku, Kementerian saya akan menyiasat hal ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Difahamkan Kerajaan Sabah dan Sarawak mempunyai skim subsidi yang tersendiri. Sudah semestinya Sabah dan Sarawak juga seharusnya menerima faedah dari skim tersebut. Difahamkan baja padi dijual kepada

petani-petani di Sarawak dengan harga yang telah diberi subsidi iaitu $\frac{1}{4}$ daripada harga di pasaran dan racun-racun serangga diberi secara percuma.

Mengenai subsidi dan projek-projek ternakan ikan air tawar, ini adalah di bawah kelolaan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan akan bersedia memberi nasihat-nasihat teknik bila mana diperlukan.

Di dalam usaha-usaha untuk meninggikan lagi pengeluaran pendapatan kaum petani, berbagai-bagai rancangan telah dan sedang diatur. Di antaranya ialah pemberian subsidi baja dan input untuk mempelbagaikan jenis tanaman dan meninggikan daya pengeluaran tiap-tiap ekar tanah.

Sebanyak \$100 juta telah diperuntukkan untuk Semenanjung Malaysia bagi mencapai matlamat tersebut. Selain dari itu Kementerian saya sedang mempertimbangkan beberapa strategi untuk menggalakkan penggunaan teknik-teknik moden di dalam bidang pertanian. Di antaranya ialah menggalakkan penggunaan jentera-jentera di kalangan petani-petani, sebagai rancangan jangka panjang iaitu:

- (i) Menurun atau membatalkan kadar cukai beberapa jenis jentera dan alat-alat pertanian bagi menurun atau menahan kenaikan harganya agar petani-petani perseorangan atau kumpulan mampu memilikinya.
- (ii) Memperluaskan kemudahan kredit untuk memberi atau menukar alat-alat jentera pertanian sebagai galakan hak milik.
- (iii) Memperluaskan perkhidmatan jentera pertanian oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian ke kawasan-kawasan yang tidak mendapat perkhidmatan jentera dari koperasi peladang ataupun kontraktor perkhidmatan pertanian.
- (iv) Memperluaskan kemudahan kredit untuk membayar sewa perkhidmatan jentera pertanian.

Buat masa ini Kementerian saya sedang mengambil langkah memperkenalkan dan menggalakkan petani-petani menggunakan jentera dengan menambahkan jentera-jentera membajak sawah dan jentera penuai lengkap di kawasan MADA dan KADA. Di samping itu Lembaga Pertubuhan Peladang juga ada menyediakan perkhidmatan jentera-jentera pertanian untuk tujuan tersebut. Usaha-usaha ini akan boleh dipergiatkan dalam tahun 1980.

Selain daripada penggunaan jentera-jentera moden Kementerian saya juga sedang berusaha untuk menjadikan petani-petani pada petani-petani moden iaitu menggunakan teknik-teknik penanaman yang baik,

sistem pengairan yang sempurna dan benih-benih dan baja-baja yang dapat menolong mengeluarkan hasil yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada banyak lagi yang hendak berucap?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung minggu depan. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 12hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.